

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid III

Bil. 6

Hari Selasa

20 Mei 1997

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

(Ruangan 1)

USUL:

Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong.

- *Y.B. Puan Kamalia binti Ibrahim*

(Ruangan 42)

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEMBILAN
Mesyuarat Pertama
Penggal Yang Ketiga
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N.
(Johor)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P.

(Dilantik)

- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sun (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Othman bin Yunus, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)

- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)

- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Shanmugan a/l R.M.S. Mutaya, A.M.N., P.J.K. (Selangor)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 20hb. Mei, 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

1. **Tuan Haji Othman bin Yunos** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:-

- (a) berapa ramaikah mereka yang telah didakwa atas kesalahan mencuri dan mencampur petrol; dan
- (b) apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian bagi membanteras kegiatan itu.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 15 tahun yang lalu iaitu dari tahun 1972 hingga Mei tahun ini pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengesan 179 kes mencampur minyak petrol. Daripada bilangan kes tersebut 48 peniaga telah pun dihadapkan ke mahkamah dan pihak yang terbabit telah dikenakan denda sebanyak RM79,250.00.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak 10hb. April yang lalu, Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bersama-sama dengan 4 agensi yang lain iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), pihak Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Kimia dan Pihak Berkuasa Tempatan telah mengesan 4 lagi kes mencampur petrol.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab pertanyaan yang kedua iaitu bahagian yang kedua, Kementerian sentiasa menjalankan pengawasan secara berterusan bagi membanteras aktiviti menjual minyak campur ini. Pengawasan ini dibuat dengan mengambil contoh minyak dari stesen-stesen minyak dan lori-lori tangki untuk analisis kimia. Jika contoh yang diambil menunjukkan minyak petrol itu bercampur dengan cecair lain seperti kerosin dan diesel, tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 akan diambil terhadap pihak berkaitan. Pada masa yang sama, Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Timbang dan Sukat 1972 juga digunakan untuk membanteras kegiatan mencuri dan mencampur minyak petrol.

Sebagaimana yang saya katakan tadi, sejak 10hb. April yang lalu, Kementerian bersama-sama dengan 4 agensi lain telah pun mengambil tindakan secara bersepadu untuk menangani masalah ini. Antara tindakan yang diambil untuk membanteras atau pun mengawal kegiatan ini ialah:-

- (i). menempatkan pegawai di depot syarikat minyak bagi menentukan, dengan izin 'seal' keselamatan pada lori tangki berada dalam keadaan baik;
- (ii). mengadakan sekatan jalan raya bagi menentukan 'seal' keselamatan pada lori tangki masih berada dalam keadaan yang baik;
- (iii). mengambil contoh-contoh minyak dari stesen-stesen minyak dan lori tangki untuk dikemukakan kepada Jabatan Kimia;
- (iv). memastikan pemegang surat kuasa menyimpan minyak di kawasan simpanan yang aktivitinya boleh dilihat dengan jelas, atau tidak di kawasan yang tertutup;
- (v). mengarahkan tempat simpanan minyak yang tidak sesuai ditutup; dan

- (vi). mendapat kerjasama daripada syarikat-syarikat minyak supaya mengambil langkah-langkah pemantauan.

Saya ingin menjelaskan bahawa walaupun tahun ini 4 kes telah dikesan, masalah ini tidaklah satu masalah yang serius. Daripada 356 sample yang diambil oleh pihak Bahagian Penguatkuasaan cuma 4 sahaja di dapati mempunyai kandungan bercampur dengan bahan lain antara 2% hingga 4%.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada 179 kes yang telahpun dinyatakan oleh Yang Berhormat Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tadi, adakah kes-kes ini sama ada melibatkan pengedar-pengedar minyak ataupun melibatkan syarikat-syarikat minyak yang terdapat di negara ini? Dan sebagai pengguna adakah pihak kementerian bercadang untuk membenarkan, mengizinkan pengguna berhak untuk menuntut pampasan ataupun gantirugi kerana kerosakan-kerosakan yang berlaku kepada kereta kerana terpaksa menggunakan minyak petrol yang dicampurkannya.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, hampir kesemua 179 kes ini melibatkan pengusaha-pengusaha stesen minyak, tidak melibatkan syarikat-syarikat minyak ataupun pihak lain. Mengenai pengguna, mereka boleh menuntut ganti rugi. Walau bagaimanapun kita belum lagi berjumpa kes di negara ini di mana pengguna menuntut ganti rugi. Mungkin kerana insiden kes-kes campur minyak petrol ini terlalu kecil. Jadi setakat ini dalam pengetahuan kita belum ada pengguna yang mengambil tindakan terhadap peniaga stesen minyak atau syarikat minyak yang berkenaan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui, ini soalan tambahan, adakah pihak kerajaan mengenal pasti syarikat-syarikat minyak yang mana yang terlibat dari segi jenama, adakah ianya Shell, Petronas, ESSO

dan sebagainya? Dan adakah ini dipamerkan dalam surat khabar untuk hendak menyekat pengguna-pengguna supaya mereka tidak pergi ke stesen-stesen yang berkenaan. Kalau sekiranya tidak dipamerkan, saya takut besok, ada wakil rakyat yang hendak balik ke kawasan, singgah di tempat minyak yang bercampur ini sudah tak jalan kereta, terutama sekali kereta yang menggunakan unleaded petrol, dengan izin yang plumbum lead's content yang rendah. Jadi saya takut besok kereta wakil-wakil rakyat tersadai di tepi jalan dan ini akan melemahkan kerjanya ke peringkat kawasan.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat. Setiap kes dari 179 ini memanglah pihak kementerian mengetahui, stesen minyak mana yang terlibat kerana detail kesnya ada. Dalam setengah-setengah kes adalah tidak adil, umpamanya kes tahun ini 4 seperti yang disebut tadi, tidak adil kerana telahpun ditangkap, belum lagi dihadapkan ke mahkamah kerana analisis kimia belum lagi dimuktamadkan. Oleh itu adalah tidak adil untuk mempamerkan atau menghebahkan nama syarikat-syarikat berkenaan tetapi kementerian ada kesemua 79 nama-nama ini, tengoklah kita kaji kemungkinan, kita ada 7 buah syarikat minyak dalam negara hari ini dan saya percaya ia melibatkan hampir semua.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya bagi pihak pengguna-pengguna di Malaysialah mengharapkan pihak kerajaan menamakan kerana ini perkara yang boleh melibatkan kerosakan kereta, enjin dan sebagainya. Dan kalau sekiranya

Tuan Yang di-Pertua: Masih dalam siasatan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Yang 179 dulu, kita nak tahu juga, yang 4 baru ini, yang dulu. Jadi benda ini berkemungkinan berterusan berlaku atas nama jenama-jenama tertentu.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih di atas pandangan dan kita akan mengambil perhatian, terima kasih.

TELEFON/TELEFON BIMBIT -MASALAH KECURIAN TALIAN

2. **Dato' Mohd. Zuki bin Kamaluddin** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan dilakukan untuk membendung kegiatan mencuri talian telefon terutamanya telefon bimbit yang berleluasa.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang sedar rungutan orang ramai mengenai kejadian kes kecurian talian telefon terutamanya telefon bimbit. Semua pengusaha syarikat telekomunikasi sedang bekerjasama untuk mengatasi masalah ini, dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:-

- (i). memberi kunci keselamatan ataupun PIN CODE, dengan izin kepada pengguna-pengguna telefon bimbit;
- (ii). memperketatkan kawalan panggilan antarabangsa ke negara-negara yang dianggap banyak berlaku kecurian talian;
- (iii). menubuhkan pasukan petugas khas dengan kerjasama polis untuk membanteras kegiatan ini;
- (iv). mengawal selia akaun, data dan kakitangan-kakitangan dalaman yang mempunyai maklumat-maklumat sulit pengguna;
- (v). tindakan mahkamah diambil ke atas pesalah-pesalah yang mempunyai bukti yang kukuh untuk disabitkan; dan
- (vi). mempertingkatkan sistem pengawasan dan billing.

Tuan Tan Swee Hueng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah negara masih dalam penggantungan perkhidmatan 'direct dialing'? Dan apa telah terjadi setelah sistem keselamatan baru dipakai dan bila penggantungan boleh dilepaskan?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat adalah melibatkan Telekom Malaysia Berhad sahaja. Setakat ini terdapat 14 buah negara, dimana perkhidmatan antarabangsa 'direct dial' ataupun IDD masih digantung sementara pihak Telekom Malaysia memakai satu sistem keselamatan baru atau satu monitoring system baru yang dikenali sebagai Interim Fraud System Management Phase II. Dan selepas sistem ini dipakai pada akhir bulan April dan awal bulan Mei pihak Telekom Malaysia telah mengalami satu penurunan kes telephone fraud ini.

Misal kata dalam bulan Januari terdapat 231 kes yang melibatkan cloning dan telephone fraud dan bulan Februari 179 kes. Dan bila sistem baru ini digunakan di mana setiap 15 minit kita dapat mengawasi dan monitor billing seseorang pengguna ini, namun kes yang melibatkan fraud ini telah pun menurun. Bulan Mei ini pihak Telekom Malaysia Berhad cuma menerima 88 kes sahaja kalau dibandingkan dengan bulan Januari sebanyak 231 kes. Kalau keadaan ini berkembang dengan baik, pada masa yang sesuai kita akan melepaskan penggantungan IDD ini dan setakat ini IDD service ke Saudi Arabia telah pun dilepaskan.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, minta Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapakah jumlah kerugian yang dialami oleh kementerian akibat curian daripada talian bimbit yang berleluasa.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini cuma dua, tiga buah syarikat telekomunikasi yang mengalami dan menghadapi masalah seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat ini dan jumlah kerugian yang dihadapi oleh ketiga-tiga buah syarikat ini tidak dapat saya memberitahu kepada Dewan yang mulia ini kerana

tiada angka yang tepat sekali tetapi ia memang merupakan satu jumlah yang besar sehingga berpuluh-puluh juta ringgit setahun.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada soalan saya Nombor 2 tadi. Berkenaan dengan masalah ini, ini masalah yang sedang kita hadapi sekarang, Yang Berhormat Timbalan Menteri kita hendak adakan Internet, supernet, datanet, cybernet, masalah ini belum timbul lagi, tetapi hari ini kita bicarakan hal ini.

Ini adalah satu kerja yang dibuat oleh orang dalam yang menyebabkan banyak fraud, dengan izin dan Celcom, Telekom, Maxis yang banyak rugi. Tetapi masalah sekarang ini mereka menggunakan telefon awam dan nombor di telefon awam itu digunakan untuk menelefon ke luar negara. Jadi, kalau perseorangan itu kita tahu, kita dapat bill, kalau digunakan telefon awam ini kita tidak akan mendapat maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, perkara ini dibuat oleh satu sindiket secara besar-besaran dan saya rasa patut pihak Telekom atau pihak kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya mereka yang dapat ditangkap dibawa dalam ISA sebab ini adalah ekonomi sabotaj'.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, pihak polis setakat ini memang telah pun menggunakan ISA untuk menahan beberapa orang yang terlibat dalam perkara ini dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, tadi Ahli Yang Berhormat katakan Maxis juga menghadapi masalah ini tetapi maklumat yang saya terima Maxis tidak menghadapi masalah 'cloning' ini kerana dia memakai teknologi jenis yang lain.

Masalah ini bukan sahaja melibatkan orang dalaman, memang ada dua, tiga kes di mana orang dalaman terlibat dan telah pun dikenal pasti dan tindakan tatatertib telah pun dikenakan kepada mereka yang terlibat. Dalam kedua-dua kes yang baru dilaporkan iaitu

di Johor dan di Sabah bukan sahaja orang dalaman yang terlibat tetapi ia melibatkan sindiket antarabangsa.

Oleh sebab itu, polis memang menggunakan ISA untuk menjalankan penyiasatan seluas-luasnya dan sedalam-dalamnya. Dan untuk telefon awam, ia merupakan 'fixed line' bukan 'cellular' dan untuk semua panggilan 'fixed line' selepas pihak Telekom Malaysia memakai sistem yang saya sebutkan tadi, sistem monitor yang baru ini, semua 'fixed line calls' dapat dikawal dengan ketat.

PIHAK BERKUASA TEMPATAN LEMBAH KLANG - KELEWATAN BERTINDAK

3. **Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengapakah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terutama di Lembah Klang selalunya lambat bertindak terhadap sesetengah pengusaha pusat video yang menjalankan operasinya telah sekian lama barulah diketahui bahawa pengusaha ini tidak mempunyai lesen. Apakah PBT ini tidak mempunyai cukup pegawai untuk mengatasi masalah ini. Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengakui bahawa memang terdapat sedikit kelewatan bagi pihak berkuasa tempatan di Lembah Klang mengambil tindakan terhadap pengusaha-pengusaha pusat video yang menjalankan operasi tanpa lesen yang sah.

Kelewatan mengambil tindakan ini tidak dapat dielakkan oleh sebab-sebab berikut:-

- (i) terdapat kekurangan kakitangan terutamanya di bahagian penguatkuasa di pihak berkuasa tempatan berkenaan;
- (ii) kawasan yang membangun di kawasan pihak berkuasa tempatan di Lembah Klang ini luas dan banyak pula premis-premis perniagaannya dan mengambil masa bagi pihak berkuasa tempatan

tersebut mengesan pusat-pusat video yang beroperasi secara haram ini.

Namun demikian, pihak berkuasa tempatan akan berusaha meningkatkan jadual penguatkuasaan ke atas pusat-pusat video di kawasan mereka.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian sedar bahawa ramai pengusaha-pengusaha video ini juga menjual video-video lucu dan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh saya ambil lima pihak berkuasa tempatan dan bilangan kakitangan yang ada di pihak berkuasa tempatan yang berkenaan. Misalnya Majlis Perbandaran Selayang - 18 orang; Majlis Perbandaran Kajang - 13 orang; Majlis Perbandaran Subang Jaya - 33 orang; Majlis Perbandaran Petaling Jaya - 111 orang; Dewan Bandaraya Kuala Lumpur - 1,200 orang.

Dan kalau kita baca laporan akhbar baru-baru ini, Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, motokarnya dilempar dengan bom api. Ini akibat daripada mereka menguatkuasakan undang-undang yang telah kita luluskan di Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dengan berlakunya insiden ini menunjukkan bahawa mereka memang bekerja keras, tetapi selalunya bila mereka sampai kedai ini tutup, kerana dia ada spy-spy mereka dan filem lucu ini lagi susah untuk kita mengesannya kerana mereka menyimpan di tempat yang tersorok, kita pergi check - tidak ada. Tetapi, kalau orang tertentu pergi dan bertanya dengan menggunakan bahasa signal, mungkin ada.

Jadi, saya tidak nafikan bahawa filem lucu ini memang ada, tetapi untuk kita hendak mengesan tanpa ada sokongan dan maklumat daripada orang ramai, amat susah

untuk pihak berkuasa tempatan mengesan perkara seperti ini. Jadi, kita mintalah kepada masyarakat umum untuk memberi kerjasama kepada pihak berkuasa tempatan supaya dapat kita banteraskan perkara seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut kerajaan menghadapi masalah untuk menguatkuasakan undang-undang bersangkutan dengan pusat-pusat video ini, adakah dalam penguatkuasaan hal-hal yang berkaitan dengan kegiatan yang bercanggah dengan undang-undang ini tidak melibatkan agensi lain seperti pihak polis, tentera, pegawai-pegawai lain yang mempunyai bidang kuasa tertentu.

Jadi, kalau kerajaan bertindak secara kelompok yang berasingan tidak melibatkan pihak-pihak lain, saya rasa ini yang menimbulkan masalah. Apakah perancangan kerajaan untuk hendak memudahkan mendapat maklumat misalnya memberi imbuhan, sagu hati kepada orang ramai yang memberi maklumat kepada kegiatan seperti itu.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat hendak menyentuh berkenaan dengan agensi yang lain, tetapi pihak berkuasa tempatan sebelum 2hb. September 1996 pelesenan pusat video di negeri Selangor adalah di bawah bidang kuasa pejabat-pejabat daerah. Tugas berkenaan diambil alih oleh pihak berkuasa tempatan mulai 2hb. September 1996 di bawah Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1995 yang mula berkuatkuasa pada tarikh tersebut.

Pihak Majlis Perbandaran Petaling Jaya memaklumkan bahawa sejak bulan Disember 1996 hingga April 1997, tindakan yang telah diambil ialah seperti berikut:-

- (i) Pada 7hb. Disember 1996 - 36 alat permainan video telah dirampas dalam operasi yang dijalankan;

- (ii) Pada 22hb. Mac 1997 - 19 buah alat permainan video di dua buah premis telah dipindahalih;
- (iii) Dalam tempoh Disember 1996 hingga April 1997 - 33 buah pusat video telah dikenakan kompaun dan tiga buah pusat lagi telah dikenakan tindakan mahkamah.

Pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya memaklumkan bahawa sejak arahan dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor pada hujung tahun lepas, 18 buah premis telah diserbu di mana 205 mesin permainan video telah disita.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, nampaknya pihak berkuasa tempatan ini yang mana mereka hanya mengambil alih pada 2hb. September 1996 telah menjalankan tugas mereka dengan begitu berkesan sekali dan kita merayulah kepada orang ramai. Misalnya, apabila motokar atau kenderaan Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kena bom, beliau menanggung kerugian, mungkin tidak dibayar oleh insurans.

Jadi, mungkin masyarakat boleh menghantar telegram mengucapkan tahniah ataupun bersimpati dan sebagainya. Ini akan menguatkan semangat mereka untuk bekerja dengan lebih hebat lagi tanpa memikirkan risiko yang perlu ditanggung oleh mereka dan juga keluarga mereka.

ELAUN RUMAH KAKITANGAN KERAJAAN DI PENJARA

4. **Puan Hajah Ramlah binti Kassim** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan elaun rumah bagi Pegawai Wader hingga Sub-Inspektor, Pengarah Penjara dan Timbalan Ketua Penjara telah pun diluluskan oleh kerajaan, kecuali Inspektor Penjara, Penolong Penguasa, Timbalan Penguasa dan Penguasa Penjara. Walaupun permohonan elaun rumah bagi kategori ini telah dikemukakan ke Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan semenjak tiga tahun yang lalu, tetapi tindakannya sehingga ini masih belum terlaksana. Apakah tindakan setakat hari ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin Khalid]:

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Ahli Yang Berhormat adalah tidak benar. Kerajaan

melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/66 telah membayar elaun rumah yang dikenali sebagai imbuhan tetap perumahan kepada semua pegawai kerajaan. Pelaksanaannya dikuatkuasakan mulai 1hb. Januari, 1995.

PELANCONG - JUMLAH 1996 BERBANDING 1997

5. **Puan Khadijah binti Haji Awang** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:-

- (a) jumlah pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia dalam tahun ini berbanding dengan masa yang sama di tahun 1996; dan
- (b) nyatakan dari negara mana yang paling ramai.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

[Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan pelancong yang melawat Malaysia bagi tahun 1996 ialah 7,138,452 orang. Bagi tahun 1997 kementerian masih lagi menunggu data ketibaan pelancong dari Jabatan Imigresen;
- (b) Singapura dan Thailand merupakan penyumbang terbesar pelancong ke Malaysia dengan masing-masing menyumbang seramai 4,157,757 orang dan 560,774 orang, diikuti dengan Jepun seramai 350,000; Taiwan seramai 236,000 dan seterusnya Indonesia, Brunei Darussalam, United Kingdom, Australia, Hong Kong dan negeri China.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, setakat ini berapa ramaikah pelancong-pelancong dari luar yang datang ke Malaysia ini yang dapat dikesan oleh pihak kerajaan terlibat dengan masalah gejala sosial seperti dadah, membawa masuk pil Ecstasy dan kegiatan-kegiatan lain?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedar bahawa ada di antara pelancong-pelancong yang berjuta datang melawat ke negara kita itu yang terlibat dengan kegiatan gejala sosial. Walau bagaimana-pun, saya harap Ahli Yang Berhormat faham bahawa apabila mereka ini terlibat dengan kesalahan sedemikian, maka agensi atau kementerian yang bertindak ke atas mereka adalah satu kementerian lain.

Jadi, walaupun kita sedar tentang adanya kejadian seperti itu, tetapi angka itu tidak sampai kepada kita sepertimana Ahli Yang Berhormat perlukan itu. Walau bagaimanapun, memang ada kes seperti itu.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, dapatkah disenaraikan negara-negara yang menghalang rakyatnya daripada melawat Malaysia, apakah benar Singapura berbuat demikian, apakah sebabnya, apakah kesannya dan apakah langkah tindakan jika ianya benar?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak sedar negara-negara lain yang menghalang rakyat mereka secara terus-terang melawat Malaysia, tetapi kita ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa pihak-pihak berkuasa tertentu di Singapura baru-baru ini menjalankan kegiatan menghalang rakyatnya daripada melawat ke negara kita. Umpamanya mereka ini pergi ke agensi-agensi pelancongan di Singapura melarang agensi-agensi yang beroperasi di sana daripada membawa atau membuat pakej-pakej pelancongan ke negara kita. Mereka juga pergi ke tempat-tempat kediaman seperti rumah-rumah pangsa di sana cuba menahan kumpulan-kumpulan yang sedang berusaha untuk membuat lawatan secara kumpulan datang ke sini. Ini adalah laporan daripada siasatan secara rambang dahulu.

Kita tidak dapat tentukan secara terperinci apakah kesannya, sama ada pelancong daripada Singapura akan berkurangan ataupun sebaliknya, kerana kegiatan ini baru

sahaja dikesan. Walau bagaimanapun kalau kita lihat daripada sentimen negara tersebut rakyat di negara itu bolehlah dikatakan mempunyai perasaan takut sedikit pada kerajaan. Selalunya mereka memandang arahan-arahan daripada kerajaan ini dengan perasaan yang agak takut sedikit. Jadi, kalau boleh saya katakan bahawa mungkin ada kesannya, tetapi setakat mana, kita tidak dapat pastikan.

Sepertimana jawapan asal saya tadi sedangkan perangkaan untuk tahun 1997 beberapa bulan terakhir ini pun belum kita dapati lagi, inikan pula perangkaan yang terkini, jadi, kita tidak dapat memberikan jawapan yang terperinci.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Maidom P. Pansai.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan No.6.

CONSULATE FILIPINA DI NEGERI SABAH - KEWUJUDAN

6. Tuan Haji Sairin bin Karno [di bawah S.O.23(2)] minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar bahawa Consulate Filipina telah pun diwujudkan di negeri Sabah. Kalau benar, adakah itu boleh dianggap sebagai suatu pernyataan bahawa tuntutan Filipina ke atas Sabah sejak sekian lama telah tidak lagi.

Menteri Pertahanan [Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya difahamkan bahawa Kerajaan Republik Filipina bercadang untuk menubuhkan sebuah Consulate di negeri Sabah. Walau bagaimanapun, setakat ini Consulate tersebut masih belum lagi ditubuhkan.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan ada satu petugas khas dari negara Filipina yang mana telah pun berada di Kota Kinabalu, saya kurang pasti sama ada inikah yang dimaksudkan Consulate Filipina ini ataupun lain nama yang telah diberikan kepada pegawai berkenaan?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebelum boleh menubuhkan Consulate mesti ada permohonan di Kementerian Luar Negeri, mungkin di

bawah agensi yang lain, mungkin di bawah Kementerian Dalam Negeri, petugas khas dihantarkan di situ untuk beberapa perkara dengan izin Kerajaan Malaysia.

KES PENCABULAN GANGGUAN KEGANASAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA - KAJIAN KEMENTERIAN

7. **Tuan Kan Kok Kwang** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) apakah pendirian kementerian ke atas desakan (NGOs) yang meminta supaya satu kajian dibuat ke atas kes-kes pencabulan gangguan keganasan seksual di tempat kerja sama ada bagi lelaki ataupun wanita di tempat kerja; dan
- (b) adakah kementerian akan memperkenalkan satu undang-undang berkenaan isu ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh

Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia tidak ada cadangan untuk menjalankan kajian tentang masalah yang berunsur seksual di tempat kerja ataupun memperkenalkan satu undang-undang baru mengenainya. Kementerian berpendapat perbuatan berunsurkan seksual ini adalah perubatan jenayah dan undang-undang jenayah yang sedia ada sudah cukup untuk mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka yang melakukan perbuatan tersebut, sambil memberi perlindungan dan pengadilan yang sewajarnya kepada mangsa.

Namun begitu, Kementerian Sumber Manusia adalah komited dalam usaha-usaha membanteras masalah berunsur seksual di tempat kerja walaupun jumlah kes sedemikian yang dilaporkan kepada Jabatan Buruh di bawah kementerian ini adalah kecil. Ianya tetap mendapat perhatian serius kementerian kerana masalah tersebut boleh mengganggu keharmonian perusahaan dan juga keselamatan dan kebajikan pekerja. Kementerian sedar bahawa apabila masalah berkenaan disekat dan dihapuskan, ianya akan dapat meningkatkan lagi keadaan selamat dan mewujudkan suasana selesa di

tempat kerja, sekaligus membolehkan pekerja-pekerja memberi tumpuan kepada kerja masing-masing tanpa perlu bimbang mereka boleh menjadi mangsa seksual di tempat kerja.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Sumber Manusia menyeru semua pihak, baik Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan, persatuan-persatuan tertentu, pertubuhan dan persatuan majikan dan pekerja dan juga mangsa sendiri supaya bersama-sama membanteras masalah tersebut. Mereka hendaklah memberi kerjasama dengan melaporkan kejadian-kejadian yang berunsurkan seksual di tempat kerja kepada Jabatan Buruh ataupun kepada pihak polis ataupun kepada ketua majikan yang berkaitan. Melalui kerjasama yang bersepadu ini, terutamanya kesediaan mangsa kejadian untuk tampil ke muka dan membuat laporan, maka saya yakin dan pasti masalah ini akan dapat ditangani dengan berkesan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan keganasan unsur-unsur seksual di pejabat-pejabat ini amat samar, bermakna kita tidak tahu yang mana yang muncul sebagai keganasan seksual, misalnya 'menegurkah' ataupun memberi satu ucapan yang tidak sesuai. Jadi, boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi contoh-contoh yang menimbulkan keganasan sosial ini, supaya orang ramai di negara ini tahu apa dia. Oleh itu mereka tahu bila hendak mengadukan. Kalau misalnya dia bercakap lebih sedikit 'awak ini nampak cantik betul hari ini' - ini satu keganasan seksual, jadi boleh dilaporkan. Sekarang ini samar-samar sangat, kita tidak tahu. Sekiranya di'pegang' - itu kita tahulah, itu cara ganas, tetapi yang tidak tahu ini, barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih arif dalam perkara ini. *[Ketawa]*

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, memang sebagaimana Ahli Yang Berhormat dia pun arif juga dalam perkara macam ini. *[Ketawa]* Jadi, kalau kita hendak tegas sangat pun kita kena berfikir-fikir, zaman sekarang kalau hendak berumahtangga bukan macam fesyen dahulu 'mengintai-intai' ini, dia kena 'syok sama syok'. Jadi, dalam tempat kerja pun ada juga kadang-kadang tindakan-tindakan, kata-kata yang cuma menimbulkan perasaan kasih sayang dan sebagainya, akhirnya sampai kahwinlah. Oleh itu, kita kena berjaga-jaga. Kalau tegur-menegur atau jeling-menjeling, puji-memuji itu tidak apalah saya rasa, tetapi yang kita maksudkan ini ialah kes-kes pencabulan, gangguan, keganasan, itulah yang kita hendak ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua: Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan Nombor 8.

TENTERA PENGAMAN MALAYSIA DI BOSNIA - JUMLAH DAN PERBELANJAAN DITANGGUNG

8. **Puan Hajah Rahaiah binti Baهران [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pertahanan menyatakan tentang kedudukan tentera pengaman Malaysia di Bosnia dengan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah anggota tentera Malaysia di Bosnia dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan Malaysia sejak Malcom dan Malcom II sekarang ini; dan
- (b) apakah pandangan orang tempatan terhadap tentera Malaysia ini.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan untuk Malcon I dan Malcon II yang berkekuatan seramai 3,069 anggota (termasuk 10 staf awam) bagi tahun 1996 adalah sebanyak RM166. 8 juta. Pecahan perbelanjaan objek am pada tahun tersebut adalah merangkumi:

Emolumen

RM54 juta

Perkhidmatan dan Bekalan RM43 "

Aset RM70 "

Perbelanjaan bagi Malcon III yang berkekuatan seramai 1,054 anggota (termasuk 5 staf awam) berakhir pada 31hb. Mac 1997 adalah RM28. 8 juta.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan penduduk tempatan terhadap tentera Malaysia adalah baik. Ini adalah hasil dari sikap tentera Malaysia yang melaksanakan tugas harian di kawasan misi dengan dedikasi, penuh bertanggungjawab serta memberi layanan yang sama ke atas semua kaum di Bosnia-Herzegovina.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimana tanggungjawab Bangsa-Bangsa Bersatu atas perbelanjaan yang disebut oleh Menteri yang berkenaan ini adalah tanggungjawab Kerajaan Malaysia dan sumbangan Bangsa-Bangsa Bersatu bagaimana dan berapa sumbangan mereka kepada tentera kita?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, Bangsa-Bangsa Bersatu tidak lagi bertanggungjawab ke atas perbelanjaan apabila kita melibatkan diri di dalam pasukan keamanan di bawah IFOR dan sekarang SFOR. Semasa UNPROFOR dahulu ianya dipertanggungjawabkan kepada Bangsa-Bangsa Bersatu yang melibatkan lebih daripada RM300 juta.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari pihak Menteri apakah imbuhan ataupun pemberian yang telah pun diberikan oleh kerajaan kepada balu-balu dan juga anak-anak daripada askar-askar anggota tentera Malaysia yang terkorban di dalam usaha-usaha mereka di Bosnia. Apakah tindakan kementerian kepada anak-anak mereka yang masih lagi menuntut, adakah diberikan apa-apa tanggungan mengenai pelajaran mereka?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, mana-mana anggota tentera yang terkorban di dalam melaksanakan tugas mereka, mereka akan diberikan imbuhan yang berjumlah mengikut kedudukan mereka ataupun pangkat masing-masing. Untuk anak-anak dan para isteri, mereka akan ditanggung, untuk isteri ialah sehingga mereka kahwin lain dan untuk anak sehingga mereka pergi ke universiti adalah di bawah tanggungan kerajaan untuk menentukan mereka dapat melaksanakan segala tugas untuk pendidikan mereka.

SKIM PERKHIDMATAN IMIGRESEN - CADANGAN KAJIAN

9. Puan Kamalia binti Ibrahim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah kementerian bercadang untuk mengkaji semula Skim Perkhidmatan Imigresen untuk peningkatan mutu perkhidmatan terutama dalam pengurusan pekerja asing.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula Skim Perkhidmatan Pegawai Imigresen. Namun demikian, kerajaan sentiasa cuba meningkatkan mutu perkhidmatan pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Pegawai Imigresen.

Di antara langkah-langkah bagi meningkatkan mutu perkhidmatan tersebut ialah dengan memperlengkapkan Jabatan Imigresen Malaysia dengan sistem komputer di dalam Projek Pengkomputeran dan Pemodenan Jabatan Imigresen Malaysia. Pegawai-pegawainya juga diberi latihan dan kursus-kursus yang berkaitan dengan prosedur kerja, perhubungan pelanggan dan juga komputer.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, di akhir-akhir ini kita dimaklumkan bahawa ramai pegawai imigresen yang terlibat dengan sindiket kemasukan pendatang-pendatang tanpa izin ini. Jadi, sejauh manakah kerajaan dapat mengesan pegawai-pegawai yang terlibat dan apakah tindakan yang telah diambil?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang disyaki bahawa terdapat segelintir pegawai imigresen ataupun kakitangan imigresen lebih tepat, bukan semestinya pegawai, disyaki ada hubung kait dengan sesetengah sindiket dan perkara itu sedang di dalam siasatan polis. Pada masa kini kita tidak dapat memberi satu maklumat yang tepat sehingga siasatan semua selesai baru dapat kita laporkan pada Dewan ini.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, dengan adanya kemasukan pendatang tanpa izin ke negara kita sudah tentulah beban kerja kepada pegawai-pegawai imigresen meningkat. Adakah kementerian telah menjalankan kajian sebesar mana peningkatan beban kerja kepada pegawai-pegawai imigresen dan apakah tindakan-tindakan kerajaan untuk menentukan supaya urusan-urusan kerja di Jabatan Imigresen berjalan dengan lancar dan juga dapat mengawal keadaan kemasukan pendatang tanpa izin?

Datuk Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Imigresen telah pun mengambil kira penambahan beban kerja akibat daripada pekerja asing ini terutamanya baru-baru ini tugas ini telah pun dimasukkan di bawah Jabatan Imigresen dan bukan lagi Pasukan Petugas Khas Pekerja Asing. Dalam pada itu Jabatan Imigresen telah merancang dari segi bagaimana mempertingkatkan keberkesanan melalui pengkomputeran dan sistem komputer ini dijangka akan dapat disiapkan dengan sepenuhnya menjelang akhir tahun ini untuk semua urusan pekerja asing.

Pada masa kini sebahagian daripada urusan itu telah dikomputerkan dan kita jangka menjelang akhir tahun ini, walaupun beban kerja itu dikatakan berat, tetapi keberkesanan itu tetap ditingkatkan, mudah-mudahan kita dapat menyelesaikan kebanyakan masalah dan tugas mereka akan terus dilicinkan.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Sri Sarasa Pasamanikam.

Puan Sri Sarasa Pasamanikam: Tuan Yang di-Pertua, soalan Nombor 10, tetapi nama rancangan itu adalah 'Vannovil'.

'VANNOVIL' SIARAN RANCANGAN TAMIL DI RANGKAIAN ASTRO - KAWALAN CENSORSHIP

10. Puan Sri Pasamanickam mina Menteri Penerangan menyatakan adakah kementerian sedar bahawa "Vannovil" siaran rancangan Tamil di rangkaian Televisyen Astro tidak melalui sebarang kawalan censorship mengikut standard yang telah ditetapkan. Siaran tersebut didapati menyiarkan rancangan yang mempunyai unsur-unsur seks dan keganasan yang keterlaluan. Apakah cadangan kementerian untuk mengawal rancangan-rancangan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, rancangan-rancangan televisyen satelit Astro sebenarnya telah dinilai kesesuaiannya terlebih dahulu sebelum disiarkan. Bagi melaksanakan tugas penilaian ini, Lembaga Penapisan Filem Kementerian Dalam Negeri telah menetapkan beberapa orang pegawainya di Astro. Sebagai langkah jangka panjangnya Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama dari kementerian ini sedang menyediakan garis panduan yang sesuai digunakan oleh Astro bagi melaksanakan tapisan dalam, dengan izin, inhouse censorship. Adalah diharapkan dengan adanya tapisan dalaman ini akan dapat mengurangkan unsur-unsur negatif di dalam rancangan-rancangan Astro termasuk rancangan bahasa Tamil "Vannovil".

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya menyatakan apakah kajian yang telah menyebabkan Berita Tamil yang disiarkan telah ditukarkan waktu siaran dari jam 5.30 kepada jam 5.00 petang. Adakah kementerian menyedari perasaan kaum India berkaitan ketidakpuasan tentang pertukaran ini? Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, sebetulnya soalan Yang Berhormat ini adalah luar daripada soalan asal. Walaupun demikian, kita berasa bahawa dalam rancangan jangka panjang adalah perlu bagi kita untuk merubah sedikit

waktu dan yang penting bagi kita bukanlah perubahan waktu tetapi kekal adanya Berita Tamil itu untuk kebaikan masyarakat.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kementerian menyedari bahawa cakera-cakera padat yang dimainkan melalui MTV khususnya di negeri Sabah tidak melalui Lembaga Penapisan Filem dan yang kedua, apakah parabola yang pernah kita mohon supaya di kawasan-kawasan pedalaman dikecualikan di mana rancangan ataupun siaran televisyen tidak dapat diikuti. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya saya ingin menjawab soalan yang kedua tadi iaitu mengenai dengan parabola. Parabola sememangnya, seperti juga di negeri Sarawak kita memberi sedikit kelonggaran kepada kawasan-kawasan yang memerlukan perkhidmatan untuk memudahkan masyarakat luar bandar ini menerima siaran. Contohnya, di Sarawak kita telah berupaya untuk mewujudkan dengan kerjasama penduduk tempatan dan pemimpin di situ untuk menyediakan perkhidmatan parabola. Begitu juga di setengah-setengah kawasan di negeri Sabah, di pedalaman kita merancang untuk membantu agar siaran ini dapat diterima dengan secara baik. Walaupun demikian, kerajaan menerusi kementerian ini akan sentiasa memperbaiki siarannya menerusi mewujudkan stesen-stesen penyiar di masa akan datang demi untuk memudahkan para penduduk luar bandar dapat menerima siaran TV dengan baik.

Mengenai dengan soalan yang pertama tadi, memang kita mengakui bukan mudah bagi pihak kita walaupun tugas penapisan seperti yang dinyatakan tadi adalah bukan di bawah bidang kementerian ini - di bawah bidang Kementerian Dalam Negeri - bukan mudah bagi kita untuk menapis CD-CD yang dikeluarkan di pasaran pada masa kini.

Walaupun demikian, kementerian menerusi FINAS dan juga Kementerian Dalam Negeri sentiasa berusaha untuk cuba mengatasi perkara-perkara ini.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan pihak kerajaan tentang klasifikasi unsur-unsur seks. Saya juga menonton daripada Astro yang ada kaitan dengan tayangan filem-filem Tamil dan lain-lain siaran. Saya tidak dapat menentukan klasifikasi unsur-unsur seks, bolehkah pihak kerajaan menentukan supaya memudahkan sensor-sensor dibuat oleh pihak penapis kepada unsur-unsur yang mempunyai klasifikasi-klasifikasi seks?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan tadi bahawa kementerian telah pun meminta pihak badan Astro untuk mengadakan 'inhouse censorship' untuk memudahkan kerana stesen Astro ini berbeza dengan RTM, TV3 dan TV-TV terrestrial yang lain di mana ini dipancarkan menerusi satelit. Walaupun demikian, seperti yang kita nyatakan ialah di samping kerajaan berusaha untuk cuba menapis sedaya yang mungkin siaran-siaran yang berunsur tidak baik seperti hendak mengklasifikasikan rancangan-rancangan yang berunsur ganas dan seks di mana kita telah meminta stesen Astro ini untuk menentukan tayangan-tayangan filem. Di samping itu juga, kita menekankan supaya bahan-bahan filem-filem yang dibeli oleh pihak Astro, kita menyeru kepada mereka membeli bahan-bahan itu daripada badan-badan dan syarikat-syarikat yang dapat diiktiraf dan dapat mengeluarkan filem-filem yang cukup memberi sumber-sumber yang baik sekali.

Dr. Yeow Seng Huat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah berkaitan dengan sarikata yang ada dalam program-program televisyen kita. Saya lihat masih ada banyak sarikata ini dibuat silap dalam bahasa. Contohnya, bila dua orang tembak menembak, bila seorang katakan "fire", dalam sarikata dikata "api", [*Ketawa*] ini masih

berlaku dalam sarikata dalam televisyen kita. Saya haraplah pihak kementerian akan mengambil tindakan ke atas pihak-pihak yang membuat translation movie ini.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan mengambil perhatian teguran yang telah diberikan oleh Yang Berhormat tadi.

PEMAJU MASYARAKAT - JUMLAH

11. **Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan adakah kumpulan agama Islam, kumpulan latih kerja dan ekonomi rumah tangga yang dijalankan oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) masih beroperasi lagi. Berapakah jumlah pemaju masyarakat yang masih bertugas untuk kumpulan ini dan berapa kumpulan yang sedang beroperasi di seluruh negara. Setakat manakah kesan kepada masyarakat hasil dari operasi kumpulan-kumpulan ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, aktiviti-aktiviti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat telah diolah semula dan kini dikelompokkan di bawah Program Pendidikan Masyarakat. Bilangan kumpulan dan pemaju masyarakat yang terlibat adalah seperti berikut:-

- Bagi kumpulan latih kerja kini dikenal sebagai pendidikan kemahiran sejumlah 101,651 kumpulan terlibat dan membabitkan seramai 931 orang pemaju masyarakat.
- Bagi kumpulan pendidikan agama Islam kini dikenal sebagai Bina Insan, sejumlah 2,147 kumpulan terlibat dan membabitkan seramai 805 orang pemaju masyarakat.
- Kumpulan ekonomi rumahtangga, kini dikenal sebagai pendidikan kesejahteraan keluarga, sejumlah 2,856 kumpulan terlibat dan membabitkan seramai 956 orang pemaju masyarakat.

Kesan daripada aktiviti yang dijalankan menerusi kumpulan ini adalah seperti berikut:

- Sejumlah 29,442 orang berpeluang mendapat kemahiran asas yang membolehkan mereka meningkatkan pendapatan keluarga melalui kerja-kerja mengambil upah, membuka bengkel dan merebut peluang pekerjaan dalam kemahiran-kemahiran yang diperolehi. Kini KEMAS menitikberatkan bidang jahitan di seluruh negara;

- Seramai 46,825 orang mendapat pendidikan agama menerusi kumpulan bina insan.

Kegiatan ini juga diperluaskan ke seluruh negara;

- Seramai 44,059 orang mendapat bimbingan pendidikan kesejahteraan keluarga.

KEROSAKAN LAMPU ISYARAT - TINDAKAN/PERUNTUKAN

12. **Tuan Tan Son Lee** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tindakan yang diambil oleh kementerian mengenai kerosakan lampu isyarat di seluruh negara, terutamanya kepada lampu-lampu isyarat yang sering berlaku kerosakan, sebagai contoh di bandar Alor Setar dan menyatakan berapakah peruntukan kementerian kepada kerajaan-kerajaan tempatan untuk memperbaiki lampu isyarat yang rosak.

Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab membaiki lampu isyarat di jalan-jalan raya di seluruh negara bukanlah tanggungjawab Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Bagi lampu-lampu isyarat yang terletak di jalan-jalan raya dalam bandar ia adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan. Sementara di jalan-jalan raya di luar kawasan pihak berkuasa tempatan, ianya adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kerja Raya. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak memberikan peruntukan kewangan kepada pihak berkuasa tempatan untuk tujuan memperbaiki lampu-lampu isyarat yang rosak. Peruntukan bagi tujuan tersebut adalah dari tabung pihak berkuasa tempatan sendiri.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun barangkali agak lain tetapi mungkin ada hubungkaitnya. Bolehkah kementerian yang berwajib untuk memperbetulkan kedudukan traffic lights di negara kita ini. Yang kita lihat, merah, kemudian kuning, hijau atau merah, hijau, tidak ada kuningnya, bolehkah merah dahulu baru kuning baru hijau, lepas hijau kuning balik baru merah balik. Terima kasih.

Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini khusus untuk Alor Setar, jadi saya akan jawab untuk Alor Setar dan sekaligus untuk, mungkin Kota Kinabalu.

Tuan Yang di-Pertua, kerosakan lampu-lampu isyarat di Alor Setar adalah atas sebab-sebab yang berikut:-

- (i) dilanggar oleh kenderaan berat seperti lori semasa membelok;
- (ii) bekalan elektrik terputus atau dipotong kerana kerja-kerja pembinaan;
- (iii) kabel elektrik yang lama.

Selain dari itu masalah juga timbul kerana kekurangan tenaga mahir di kawasan Alor Setar termasuk pihak swasta untuk membaiki kerosakan. Kerja penyelenggaraan lampu-lampu isyarat di Alor Setar telah dikontrakkan kepada tiga buah syarikat di mana kebanyakannya diberikan kepada Syarikat Binatron. Syarikat ini mempunyai kawasan kerja yang luas meliputi Perlis dan Seberang Perai. Oleh itu kerja-kerja membaiki lambat dilaksanakan. Pihak Majlis Perbandaran Kota Setar sendiri tidak mempunyai kemahiran untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Kedah melalui Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan telah memutuskan untuk menyerahkan semula kerja-kerja penyelenggaraan ini kepada Jabatan Kerja Raya kerana mereka mempunyai kepakaran dan peruntukan yang mencukupi. Oleh kerana itu saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat perkara yang Yang Berhormat bangkitkan itu akan saya sarankan kembali kepada Jabatan Kerja Raya supaya lampu ini mula merah, kuning, hijau, dari hijau, kuning baru merah. Terima kasih.

**PROGRAM KEAGAMAAN BUDDHA, HINDU
DAN KRISTIAN DI RADIO DAN TV - CADANGAN KERAJAAN**

13. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada kementerian beliau bercadang untuk menyiarkan program keagamaan Buddha, Hindu dan Kristian di radio dan televisyen Malaysia untuk memupukkan toleransi keagamaan rakyat negara ini. Jika ya, bilakah ianya akan dimulakan dan jika tidak, kenapa.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan tidak bercadang untuk menyiarkan program keagaan Buddha, Hindu dan Kristian di radio dan televisyen Malaysia, sebaliknya hanya akan menyiarkan program agama Islam selaras dengan sifatnya sebagai agama rasmi negara. Walau bagaimanapun, kita merayakan hari-hari perayaan agama berkaitan seperti Hari Wesak, Deepavali dan Krismas, Radio dan Televisyen Malaysia akan menyediakan rancangan-rancangan khas yang menampilkan tema hari-hari tersebut.

PENCEROBOHAN HUTAN DAN PEMBALAKAN HARAM - LANGKAH KERAJAAN

14. **Puan Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:-

- (a) adakah pihak kementerian sedar pencerobohan hutan dan pembalakan haram sering berlaku di negara kita ini; dan
- (b) apakah langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini dan berapakah tangkapan yang pernah dibuat oleh pihak penguatkuasaan undang-undang.

Menteri Perusahaan Utama [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Utama melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) menyedari serta memandang berat kegiatan pencerobohan hutan serta pembalakan haram yang berlaku di negara kita ini. Sungguhpun demikian, keadaan tersebut adalah terkawal dan tindakan penguatkuasaan terus dijalankan oleh pihak JPSM dengan kerjasama angkatan tentera serta Polis DiRaja Malaysia.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian dalam usaha membanteras kegiatan pembalakan haram ini termasuklah membuat pindaan ke atas Akta Perhutanan Negara yang, antara lainnya melibatkan hukuman penjara mandatori ke atas pesalah bagi

kesalahan menceroboh hutan dan menaikkan had denda maksimum sehingga RM500,000 dan mendapatkan bantuan polis dan tentera dalam menangani masalah pembalakan haram. Dengan langkah-langkah yang telah diambil seperti di atas, masalah yang melibatkan pembalakan haram telah dapat dikawal seperti berikut:

| <u>Tahun</u> | <u>Bilangan Kes</u> |
|--------------|---------------------|
| 1990 | 172 |
| 1991 | 512 |
| 1992 | 191 |
| 1993 | 149 |

Dan selepas pindaan ke atas Akta Perhutanan Negara pada tahun 1993 dan bila diterima pakai:-

| | |
|------|----|
| 1994 | 41 |
| 1995 | 34 |
| 1996 | 70 |

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pencerobohan hutan dan pembalakan haram di Sabah juga turut terkawal?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, sejak Kerajaan Sabah menerima pakai pindaan Akta Perhutanan 1993, saya ingat pencerobohan hutan dan pembalakan haram telah dikurangkan. Tetapi bilangan kes, saya tidak ada data itu sebab Jabatan Perhutanan Negeri Sabah tidak laporkan kepada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Tetapi jika Yang Berhormat mahu tahu, sila beri notis dan saya akan meminta fakta-fakta atau data-data itu dari Kerajaan Negeri Sabah.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Menteri, baru-baru ini ada komen daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tentang pembalakan di Sungai Buloh. Adakah pembalakan tersebut pembalakan haram ataupun diluluskan tidak mengikut panduan atau bagaimanakah masalah tersebut dan apakah penyelesaiannya?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya tahu kes ini di Sungai Buloh, hutan simpanan kekal telah digezet, dikeluarkan dari hutan simpanan kekal dan tanah itu telah diberikan kepada syarikat dan apa-apa pembalakan dijalankan adalah atas tuan punya tanah, bukan atas hutan simpanan kekal lagi.

PEMBAYAR CUKAI PENDAPATAN MEMBAYAR ZAKAT - PENGECUALIAN

15. Tuan Haji Sairin bin Karno minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kementerian berhasrat untuk mengecualikan pembayar cukai pendapatan kepada mereka yang membayar zakat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, menurut peruntukan seksyen 6A(3) Akta Cukai Pendapatan 1967, zakat yang dibayar oleh pembayar cukai adalah dibenarkan sebagai rebat daripada jumlah cukai yang dikenakan. Pemberian rebat adalah dengan syarat pembayar cukai dapat membuktikan zakat yang dibayar dengan resit rasmi pihak berkuasa agama. Rebat hanya diberi kepada individu dan tidak kepada syarikat, pertubuhan, perbadanan, lembaga dan lain-lain badan yang dimiliki oleh umat Islam.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, apakah kerajaan boleh mempertimbangkan agar syarikat-syarikat dan badan-badan lain juga dikecualikan daripada cukai apakala mereka membayar zakat untuk menggalakkan lagi syarikat-syarikat membayar zakat.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara rumit yang akan timbul mengenai perkara ini. Pertamanya, soalnya ialah sejauh manakah rebat yang diberikan kepada sektor korporat akan menjejaskan pendapatan dan

hasil kerajaan Persekutuan memandangkan bahawa semua kutipan zakat itu akan disalurkan kepada kerajaan negeri.

Pertanyaan kedua ialah kedudukan bagi syarikat-syarikat yang beroperasi di negeri, misalnya katakan syarikat Dato' Zuki di Pahang sedangkan ibu pejabat syarikat tersebut adalah di negeri lain, umpamanya di Kuala Lumpur, misalannya.

Yang ketiga, pemilikan yang sering berubah bagi syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur. Misalnya, sebuah syarikat tersebut mungkin pada satu ketika dimiliki oleh orang Islam, tetapi kemudian, sebahagian saham-saham tersebut dibeli oleh orang bukan Islam dan sebaliknya.

Soalan yang keempat ialah tarif syarikat milik utama Islam yang wajib membayar zakat perlu jelas supaya tidak wujud ketidakpuasan hati bagi syarikat-syarikat yang mempunyai pemilikan saham 50-50 antara orang Islam dan bukan Islam.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi saya tidak hendak bertanya tetapi disebut nama saya itu, saya hendak bertanyalah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, zakat ada dua.....

Tuan Yang di-Pertua: Betulkah ada syarikat itu?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya ada syarikat peguam di Kuantan, tetapi bayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada dua zakat iaitu zakat fitrah dan zakat yang mengikut jadual 2.5% kita kena bayar. Yang ketiganya ada satu zakat lagi, yang ini saya hendak bertanya. Zakat yang ketiga ini, kita sebagai wakil rakyat termasuk ahli Dewan Negara dan juga orang ramai biasanya banyak mengeluarkan zakat yang hendak pahala dan hendakkan nama. Jadi yang hendak pahala dan hendak nama ini, yang hendak pahala itu

dia senyap-senyap kita tidak tahu. Jadi yang beri zakat misalnya balik kampung, sedekah kepada orang ini RM100, sedekah kawan ini RM50, beri kepada kebudayaan dan sebagainya dengan mendapatkan resit, bolehkah tidak dikecualikan daripada cukai? Kalau tidak boleh, saya rasa harus kerajaan menimbangkan supaya banyak lagi orang akan memberi zakat secara ini kepada orang miskin.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, zakat ini ada asnafnya. Jadi kalau kita bayar zakat, kita cover asnaf itu semua tetapi kalau kita beri kepada orang miskin, kita tidak cover asnaf-asnaf yang lain. Jadi oleh itu, lebih afdallah kalau zakat itu dibayarkan kepada pihak berkuasa Jabatan Agama Islam.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat ada menyebutkan bahawa bayaran zakat syarikat-syarikat, persatuan dan juga pertubuhan susah untuk ditakrifkan kerana bayaran ini akan menimbulkan masalah kerana baitulmal-baitulmal di bawah kerajaan negeri. Adakah pihak kementerian ingin mencadangkan ataupun membuat kajian supaya baitulmal-baitulmal ini boleh diwujudkan di peringkat nasional dan apakah usaha-usaha ke arah itu di mana melihat akta ataupun peraturan Perlembagaan negara sendiri dapat diselaraskan untuk mengatasi masalah yang disebutkan tadi.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, pandangan itu adalah bagus kerana kita rasakan sudah tiba masanya kalau boleh zakat ini dikumpulkan secara centralise, dengan izin, seperti juga Tabung Haji. Walau bagaimanapun, oleh kerana agama itu terletak di bawah kerajaan negeri, ini memerlukan pindaan Perlembagaan.

Baru-baru ini pihak berkuasa JAKIM telah cuba untuk mewujudkan apa yang dikatakan LUZAM iaitu Lembaga Urusan Zakat Malaysia. Hingga sekarang tidak dapat perkembangan yang positif. Walau bagaimanapun, pada tahun lepas Timbalan Perdana Menteri telah menjemput Syeikh Yusof Qardawi sebagai tetamu khasnya dan telah pun

membincangkan perkara zakat ini untuk kita satukan. Walau bagaimanapun, sepertimana biasa kita mempunyai kerajaan-kerajaan negeri dan kerajaan-kerajaan negeri adalah berkuasa tentang agama, maka perkara ini lambat juga dimajukan. Walau bagaimanapun, kita tidak putus asa, perkara tarbiyah ini akan kita lanjutkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah tamat. Dan saya mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3) sukacita saya menjemput Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad untuk mempengerusikan Mesyuarat.

[Tuan Hanipah bin Ahmad *mempengerusikan Mesyuarat*]

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 30 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesembilan.” [19hb. Mei, 1997]

Tuan Hanipah bin Ahmad: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno untuk menyambungkan ucapannya, dipersilakan.

Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat memulakan ucapannya selama lagi setengah jam atau satu jam, saya hendak mencadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua jikalau setuju, kalau tidak setuju pun tidak ada apa saya boleh buat, iaitu berapa orang lagi yang hendak berucap dan kita ada berapa masa lagi yang tinggal, hari ini hari penghabisannya, saya pun hendak berucap, hajat saya hendak berucap dua jam sepertimana yang dibuat oleh Yang Berhormat lain, tetapi memikirkan sahabat saya pun hendak berucap juga, jadi kalau dapat, saya dapat 5 minit pun cukuplah, akhir-akhir nanti. Jadi, kalau Tuan Yang di-Pertua bersetuju, tanya berapa lagi yang hendak berucap dan beri 10 minitkah atau 15 minit. Kalau tidak, Yang Berhormat Haji Sairin ini hendak berucap 2 jam lagi. [Ketawa]

Tuan Hanipah bin Ahmad: Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi memenuhi hasrat dan kehendak Yang Berhormat Dato' Zuki, saya mempersilakan mana-mana Yang Berhormat yang akan turut berucap selepas ini, minta bangun. [*11 orang Ahli Yang Berhormat bangun*] Terima kasih.

Dalam perhitungan kita ada 11 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan turut berucap. Jadi, untuk mengisikan keinginan dan kehendak Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan membenarkan setiap orang dibolehkan berucap dalam tempoh masa 15 minit sahaja. Sekian.

3.41 ptg.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang yang diberikan. Sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Mohamed, Menteri Pembangunan Usahawan yang telah memberi penjelasan semasa pertanyaan bagi jawapan mulut kelmarin, 19hb. Mei, 1997 di mana beberapa pendekatan tertentu membesar dan membantu golongan saiz middle income, dengan izin, ini supaya benar-benar menggambarkan proportion atau kadar nisbah bumiputera dan non-bumiputera agar ianya seimbang. Memandangkan agenda usahawan bumiputera merupakan agenda nasional yang pertama, untuk itu saya ingin cadangkan galakan terus-menerus dengan apa cara membangunkan usahawan bumiputera, tidak kepada kerajaan semata-mata tetapi juga sektor swasta khususnya swasta daripada bumiputera turut membantu.

Cadangan yang kedua, sasaran atau target mesti ditentukan sekaligus dengan strategi cukup pelan tindakannya sekali. Saranan Yang Berhormat Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali agar perbadanan kerajaan negeri perlu bergabung tenaga membeli lot-lot rumah kedai untuk kuota bumiputera amat dialu-alukan.

Success story yang menyedapkan telinga dan hati melalui sektor swasta menerokai dari satu benua ke satu benua dalam mengembangkan perniagaan, kita perlu pastikan ekonomi kita terus kukuh. Untuk itu, tahniah kepada Bank Negara yang telah memperketatkan kuota pinjamannya untuk tujuan pinjaman hartanah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan di Dewan yang mulia telah diberitahu bahawa kerajaan akan melaksanakan beberapa strategi yang lebih dinamik serta dapat mengoptimumkan segala kemudahan dan sumber yang dimiliki. Pengkorporatan pengajian tinggi telah hampir dua tahun dan beberapa akta seperti Akta Pendidikan, Akta Institut Pengajian Tinggi Swasta, Akta Universiti, Akta Kolej Universiti (Pindaan), Majlis Pendidikan Tinggi Negara dan Akta Akreditasi Negara telah diluluskan untuk tujuan pengkorporatan universiti tempatan serta penubuhan universiti dan pusat pengajian swasta. Sehingga hari ini masih senyap atau mungkin di dalam proses, kecuali Universiti Telekom dan sebagainya. Bagaimana pula kedudukan para kakitangan akademik, gelapkah keadaan mereka? Terangkan mereka nanti? Sudahkah jawatankuasa ditubuh di peringkat universiti atau pusat untuk menyelaras pengkorporatan universiti ini. Semua orang tahu yuran pendidikan dinaikkan selepas pengkorporatan universiti.

Apakah langkah-langkah untuk membantu mengatasinya, untuk membantu pelajar-pelajar universiti tempatan yang miskin, yang telah mendapat atau mencapai keputusan exam yang cemerlang di dalam Sijil Tinggi Persekolahan atau tahun satu di universiti tanpa mengira kaum dan agama yang pastinya mereka daripada golongan tidak mampu, saya mohon mencadangkan kalau tidak dapat secara percuma, hendaknya Tabung Biasiswa Wawasan diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kita berbangga Malaysia di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, pimpinannya dikagumi, dihormati dan disegani oleh negara-negara seantero dunia, khasnya negara-negara sedang membangun dan seluruh umat Islam yang cukup meyakinkan dengan motto 'Malaysia Boleh'. Titah Baginda menyentuh hampir semua aspek yang penting untuk semua kita hayati dengan penuh kesedaran, dengan penuh keinsafan untuk meneruskan perjuangan membina dan membangun masyarakat walau apa pun agenda pembangunan fizikal dan sosial yang perlu kita rancang dengan teratur. Andainya kita tidak boleh lari daripada

menghadapi pelbagai permasalahan yang timbul, perlulah tindakan memperbaiki di peringkat pelaksanaan jika ada cacat-celanya dalam pelaksanaan urusan mentadbir dan mengurus, penelitian semula hendaklah kita adakan.

Kita masih dengar kegelisahan dan rintihan masyarakat luar bandar dan pedalaman, kumpulan-kumpulan PPRT perlu bantuan peruntukan sewajarnya. Kumpulan ini perlu dibimbing, diberi tunjuk ajar pelbagai kaedah dan faedah, dan keistimewaan patut diteruskan dalam usaha kerajaan yang bergerak pantas meningkatkan pembangunan ekonomi, restructuring of society, kita terpaksa berhadapan dengan birokrasi yang perlu diubahsuai mengikut keadaan semasa. Satu reengineering diperlukan baik di peringkat daerah-daerah dan di kementerian mengharap kepada segelintir teknokrat semata-mata mungkin tidak berjalan lancar. Sebagai contoh, satu ketika pada tahun 1993 di bahagian pedalaman Keningau, telah diperuntukkan sebanyak 165 buah PPRT. Apabila kita mendapat tahu bahawa peruntukan ini telah diberikan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tun Ghaffar Baba, kita amat bergembira lalu melaksanakannya. Di samping itu, 450 buah tangki juga telah kita laksanakan. Malangnya tidaklah barangkali mengikuti standard yang telah ditetapkan.

Jadi, sehingga hari ini ianya telah menjadi 'duri dalam daging' kepada Kerajaan Barisan Nasional, di mana ianya sehingga hari ini telah pun sampai ke pengetahuan Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, juga telah sampai ke pengetahuan Yang Berhormat Dato' Annuar Musa. Tetapi malangnya, oleh kerana barangkali birokrasi yang saya sebut tadi atau oleh kerana perkara-perkara yang saya tidak tahu apa sebabnya, sehingga hari ini PPRT yang berjumlah 165 buah yang telah pun dibina dan didiami oleh orang-orang yang layak untuk mendiami dan 450 tangki yang telah siap dan sedang digunakan belum dibayar satu sen pun.

Saya difahamkan bahawa Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah telah mengembalikan tidak kurang daripada RM2.5 juta wang kepada Kerajaan Persekutuan yang mana wang tersebut tidak dapat digunakan. Saya amat sedih bila hutang yang sepatutnya untuk 450 buah tangki dan 165 buah rumah yang berharga dalam sekitar RM750,000 tidak dapat dibayar, walhal wang itu nampaknya lebih baik dikembalikan daripada dibayar kepada mereka yang telah membuat tangki dan membina PPRT ini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, ramai peminjam, kontraktor-kontraktor kecil yang telah membina rumah ini hari ini berada di dalam keadaan yang amat menyedihkan. Maksud saya, apabila mereka membina rumah-rumah ini mereka telah membuat pinjaman kepada bank-bank berkenaan. Hari ini mereka telah ditagih, mereka telah disaman dan ada yang sudah naik mahkamah semata-mata untuk menyelesaikan masalah, tetapi bagaimana menyelesaikan, sedangkan peruntukan belum diberikan. Saya mohon agar kementerian berkenaan dapat membantu kami menyelesaikan masalah yang sudah berlanjutan hampir empat tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf barangkali hari ini saya baca surat khabar, nampaknya liputan akhbar melalui televisyen, ada, bagus, baik, terima kasih. Radio pun saya kurang pasti sebab tidak sempat mendengar. Ulasan oleh akhbar-akhbar baik *The New Straits Times*, *Berita Harian*, *Watan* dan sebagainya, nampaknya hari ini tidak ada laporan kecuali *Utusan Malaysia*.

Kita sebagai kerajaan, Ahli Dewan Negara bersidang bukan selalu, tidak sampai pun satu bulan, hanya 24 hari. Kenapakah surat-surat khabar tidak menggunakan, tidak memberi ruang kepada kita agar apa yang kita perbincangkan di sini disiarkan. Sepatutnya perkara ini diambil perhatian, kita bukan ingin sangat publisiti, tetapi rakyat di pedalaman, di seluruh negara juga ingin mendengar pandangan kita, ingin melihat apa yang kita

cakapkan. Sekurang-kurangnya rakyat kita di seluruh negara dapat mengakui bahawa Dewan Negara itu wujud. Jadi, saya mohon, untuk masa-masa akan datang, barangkali mula daripada hari ini, kalau tidak ada pun kita mohon supaya liputan yang adil dapat diberikan.

Guidance of public interest nampaknya tidak dapat dijalankan dengan begitu baik. Lain ceritalah dalam Dewan Rakyat yang bersidang, saya lihat sehinggakan kehadiran Ahli-ahli Parlimen daripada Dewan Rakyat, daripada mereka mula bersidang, tengah hari dan petang, ada, berapa orang, sehingga waktu persidangan berakhir. Jadi, kita di sini tidak ada. Saya tidak tahu kenapa. Jadi, ini saya mohonlah sekali lagi supaya barangkali biarlah skop ini dapat diperpanjangkan, diperbesarkan agar ianya dapat dinikmati oleh masyarakat yang memang sentiasa mengharapkan kita yang diberi amanah untuk bercakap melaungkan masalah rakyat dan menanyakan masalah pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya sentuh, kalau boleh, dalam keadaan negara kita membangun hari ini, saya rasa tahun lepas saya juga pernah bertanya soal ini di mana jalan-jalan penghubung antara bandar ke bandar di negeri Sabah, terutama daripada Keningau ke Suk Nabawan sehingga hari ini belum ada khabar berita. Saya diberitahu katanya sudah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, saya tidak tahu benar atau tidak, saya mohon penjelasan. Begitu juga dengan jalan Kota Marudu-Pitas, Sandakan-Beluran, Sipitang-Beaufort dan ada beberapa jalan lagi yang saya rasa memang menjadi agenda kepada kerajaan untuk dibangunkan.

Yang kedua, saya juga ingin menegur dan ingin berkongsi pandangan kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan di sini kadang-kadang, saya minta maaf, saya nampak separuh daripada mereka yang menjawab soalan ini kurang meyakinkan. Sebagai contoh, umpamanya semalam, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bila kita tanya soalan

‘punk’. Jawapan tidak begitu meyakinkan. Ini budaya ‘punk’, ianya bermula daripada Jerman. Ianya satu kumpulan yang akhirnya menjadi pressure group. Saya rasa ini merbahaya kalau dibiarkan di negara kita. Tetapi penekanan nampaknya tidak ada. Jadi, kalau boleh bukan itu sahaja, malah ada soalan-soalan yang lain yang saya rasa amat sangat perlu dijawab dengan begitu teliti dan persediaan yang rapi supaya boleh meyakinkan kepada Ahli Dewan Negara yang mulia ini.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, masa tinggal satu minit lagi.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Yang kedua, saya juga mohon supaya mana-mana menteri, saya rasa di Kota Kinabalu, di negeri Sabah dan Sarawak ramai menteri kita melawat di sana. Cuma kalau boleh biarlah kalau dapat sebagai contoh, Dato’ Ali Rustam, dia rajin ke Sabah, terima kasih. Dia melalui jabatan yang betul. Ada separuh menteri atau timbalan menteri, kadang-kadang setiausaha Parlimen jarang-jarang saya nampak datang ke Sabah. Kalau boleh, bila mereka datang ke situ carilah mana satu jabatan, mana satu kementerian, kita koordinate, jadi biar mereka yang mengatur, sebab kadang-kadang jabatan yang mengatur, sebagai contoh, Pembangunan Luar Bandar. Bila pegawai-pegawai JPPH itu tahu, dia akan dibawa melawat di mana-mana tempat tertentu. Jadi, kalau kementerian itu biarlah tempat yang lebih baik.

Seperkara lagi saya mohon supaya kalau pun tindakan-tindakan diambil ke atas pelajar-pelajar yang merokok, saya bersetuju kalau dua kali amaran, dua kali melakukan kesilapan tidak ada maaf bagimu. Tetapi ada satu kes di ITM Kota Kinabalu, pelajar ini secara kebetulan semasa taufan Greg, banjir, anak ini tidak boleh melalui jalan itu sebab jalan semua terputus. Telefon segala-galanya terputus. Rupanya pada awal tahun mata pelajaran tersebut telah dirobah. Jadi, anak ini telah mencapai satu tahap yang memang tidak ada maaf bagi dia. Tetapi sepatutnya ini dipertimbangkan dengan alasan yang

munasabah. Jadi, budak ini baru sekali melakukan kesilapan, dia sudah dibuang daripada ITM, walhal tinggal dua semester. Ini patut diambil perhatian oleh Kementerian Pendidikan. Lagi....

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Boleh minta dua minit sahaja?

Tuan Hanipah bin Ahmad: Saya tidak benarkan lagi.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Okay. Kalau begitu, saya akhiri yang ini.

Akhir sekali, sesuatu pembangunan peradaban manusia selalunya bermula daripada impian, disusuli dengan keazaman, perancangan rapi dan pengisian nilai-nilai murni melalui proses pendidikan ke dalam masyarakatnya sebelum mencapai kemuncak peradaban. Peradaban itu akan akhirnya runtuh, bila runtuhnya nilai-nilai moral dan akal budi umatnya. Apabila satu bangsa yang agung itu runtuh moralnya, maka keagungannya diambil oleh bangsa yang membina moralnya. Inilah proses yang sedang kita perkukuhkan nilai moral di dalam masyarakat.

Tegap rumah kerana sendi,

Runtuh sendiri rumah binasa,

Tegap umat kerana budi,

Runtuh budi umat merana.

Sedikit lagi.

Apa ada kepada gula, andai manisnya sudah tiada,

Apa makna kepada garam kira masinnya rasa tiada,

Apa guna kepada lada bila pedasnya rasa tiada,

Apa erti hidup manusia bila budinya tiada dan hina,

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Dato' Michael Chen.

3.58 ptg.

Dato' Michael Chen Wing Sun: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dengan keizinan, saya ingin menyokong Usul Ucapan Terima Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke atas Titah Ucapan Diraja yang telah Baginda sampaikan di Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan hanya dua perkara sahaja dalam Dewan yang mulia ini. Yang pertamanya, gejala rasuah. Yang kedua, Wawasan 2020.

Mengenai gejala rasuah, kita bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa rasuah itu adalah sama seperti penyakit barah atau kanser yang bukan sahaja akan menjejaskan kemajuan negara ke arah Wawasan 2020, tetapi juga mungkin akan menghancurkan segala batu asas yang telah kita binakan bersama selama ini. Penyakit barah sukar diubati, kecuali sekiranya ia dikesan di peringkat awal dan diberi rawatan yang sesuai. Sama juga dengan gejala rasuah, ia tidak mudah hendak dipastikan, kecuali jika kita tahu tentang punca-puncanya dan juga peka terhadap cara yang sesuai untuk mengatasinya.

Marilah kita renung sejenak tentang punca-punca yang telah mengakibatkan gejala rasuah dalam negara ini bertambah buruk. Pada pendapat saya punca utamanya ialah nafsu kebendaan manusia yang diselami pula dengan tamak haloba mereka.

Malaysia kini sedang bertukar corak pembangunan dari sebuah negara pertanian ke sebuah negara perindustrian. Proses ini telah mengubah gaya hidup rakyat yang kini lebih mementingkan kebendaan. Mereka memerlukan wang yang banyak bagi menyara gaya hidup baru mereka. Dan mereka seterusnya digodai oleh wang untuk mendapatkan wang yang lebih banyak lagi. Wang melambangkan segala-galanya, wang melambangkan kejayaan, wang melambangkan kuasa dan wang juga melambangkan taraf, trend ini adalah amat tidak sihat.

Setengah-setengah orang menggunakan pelbagai cara untuk mengumpulkan kekayaan, sama ada secara halal atau tidak halal, atau secara bermoral atau tidak bermoral, tujuan utama mereka adalah hanya untuk cepat kaya. Hasilnya bukan sahaja gejala rasuah telah lebih melarat tetapi juga gejala-gejala sogokan, penipuan, penjualan dadah dan lain-lain penyakit sosial juga telah melarat. Soalnya sekarang ialah bagaimana kita hendak mengawal atau mencegah gejala-gejala ini dari melarat dan bagaimana pula kita hendak mengubatinya. Kita semua peka punca-puncanya tidak lain tidak bukan ialah wang, wang dan wang.

Tuan Yang di-Pertua, wang itu sendiri pada hakikatnya bukan punca segalakeburukan. Ia membawa keburukan hanya apabila ia disalahgunakan. Kita tidak menentang proses pencarian wang. Kita tidak mencela ataupun menghina seseorang individu atau syarikat yang gigih dengan proses pencarian wang. Sebaliknya kita memang menggalakkan semua individu atau semua peringkat untuk berusaha dan bertungkus lumus untuk mendapatkan wang dan memperkayakan diri. Sebagai yang pernah diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, negara dan rakyat jelata akan bersama menikmati kejayaan atau kekayaan sesebuah syarikat. Ini adalah melalui kutipan cukai korporat yang mereka bayar pada kadar 30%. Negara tidak mungkin mampu maju begitu pesat seperti sekarang tanpa sumbangan-sumbangan dari mereka ini. Tetapi apa yang kita ingin lihat di sini ialah mereka menghasilkan wang-wang ini secara halal dan secara bermoral dan bukan secara tidak halal dan tidak bermoral. Ada setengah-setengah orang mungkin mencadangkan supaya kita wujudkan satu undang-undang yang lebih ketat untuk mengatasi gejala rasuah ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita sebut tentang rasuah kita kerap menuding jari ke arah si penerima dan jarang kepada yang memberi. Apabila kita dengar sungutan

tentang gejala rasuah kita dengar hanya sungutan terhadap si penerima. Jarang kita mendengar sungutan terhadap orang yang memberi.

Oleh itu dari kaca mata orang ramai memberi rasuah seakan-akan tidak bersalah sebagai yang telah diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dewan ini minggu yang lepas, si penerima dan si pemberi kedua-duanya bersalah dari segi undang-undang. Malah jumlah orang yang memberi adalah lebih dari jumlah orang yang menerima untuk sesuatu kes. Orang ramai juga sama bertanggungjawab dan harus sensitif ke atas masalah ini. Tambahan lagi kita harus jangan terlupa tentang kegiatan elemen-elemen asing, pelabur-pelabur asing atau pesaing-pesaing asing mungkin juga telah menyumbang dan memburukkan lagi keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat gembira Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed telah dengan tegas cuba mencegah gejala politik wang dalam UMNO. Pemberi wang-pembelian undi tidak semestinya dianggap sebagai rasuah dari segi asalnya tetapi amalan ini mungkin akan mewujudkan rasuah. Ahli-ahli politik mewujudkan undang-undang dan memerintah negara pemimpin-pemimpin perlu dipilih berasaskan kepada kecekapan, kewibawaan dan kebolehan seseorang dan bukan melalui wang. Hanya apabila ahli-ahli politik itu bersih dan jujur baharulah kakitangan-kakitangan kerajaan dan ahli-ahli masyarakat jelata dapat bebas dari rasuah.

Terdapat satu peribahasa lama Cina yang ada mengatakan sekiranya kita tidak mahukan bentuk-bentuk bawahan itu senget, bentuk atasannya perlu lurus terlebih dahulu. Setelah mendapatkan semuanya ini, kita perlu memberi penghargaan kepada mereka yang jujur, ikhlas dan bersih. Kita amat terhutang budi kepada keempat-empat Perdana Menteri kita sejak negara merdeka pada tahun 1957. Tiap-tiap Perdana Menteri kita iaitu, Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan sekarang Yang Amat

Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir mempunyai satu rekod, kewibawaan individu yang tertinggi. Oleh kerana kepimpinan merekalah negara ini belum dilanda dengan gejala rasuah yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Wawasan 2020 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini telah menjelaskan objektif-objektif wawasan ini di kongres nasional dan berkata Malaysia tidak harus maju dari segi ekonomi sahaja, ianya harus menjadi sebuah negara yang maju sepenuhnya dari semua dimensi iaitu ekonomi, politik, sosial, rohani, psikologi dan budaya. Kita perlu maju dari segi perpaduan nasional dan penyatuan sosial dari segi keadilan sosial, kestabilan politik, sistem pemerintahan, mutu kehidupan, nilai-nilai sosial dan kerohanian, maruah dan keyakinan nasional.

Menjelang tahun 2020, Malaysia boleh menjadi sebuah negara yang bersatu padu dengan satu masyarakat yang yakin dan mempunyai nilai-nilai moral dan etika yang kukuh. Hidup secara berdemokratik, liberal dan bertoleransi, prihatin, adil dan saksama dari segi ekonomi, progresif dan kaya. Dan mempunyai sebuah ekonomi yang dinamik, kukuh, tegas dan daya saing yang sukar ditandingi.

Ini adalah satu wawasan yang mencabar tetapi perlu dicapai sekiranya Malaysia ingin menjadi sebuah negara perindustrian yang sepenuhnya. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga akan menggariskan 9 cabaran strategik yang kita perlu atasi sebelum kita dapat mencapai matlamat ini. Kesembilan cabaran ini ada terkandung di dalam buku kuning ini, [*sambil menunjukkan buku kuning*] ini merupakan satu wawasan negara yang melibatkan seluruh negara. Setiap rakyat perlu memainkan peranan masing-masing dan mempunyai tanggungjawab yang sama bagi menentukan wawasan ini tercapai. Oleh itu adalah perlu bagi setiap rakyat Malaysia memperkembang objektif-objektif wawasan ini. Saya masih ingat lagi semasa zaman Tun Abdul Razak apabila kerajaan ingin rakyat

melibatkan diri dalam pembangunan luar bandar, kerajaan pada masa itu telah mengeluarkan sebuah buku iaitu Buku Merah, dan seterusnya menubuhkan sebuah jawatankuasa di setiap kampung. Rancangan pembangunan luar bandar itu telah dilaksanakan dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan menggunakan cara yang sama untuk memperkenalkan 'buku kuning' ini dan menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa di setiap daerah supaya mesyuarat-mesyuarat dan dialog-dialog dapat diadakan di mana rakyat dari pelbagai lapisan dapat mengambil bahagian dan melibatkan diri. Ini merupakan satu perancangan besar yang memerlukan daya usaha dari kita semua. Marilah kita berganding bahu untuk menjayakannya. Sekian, terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat tuan Tan Swee Hueng.

Tuan Tan Swee Hueng: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk membahas Usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terlebih dahulu, saya ucapkan setinggi-tinggi syabas kepada semua pemimpin kerajaan Malaysia yang telah meningkatkan nama Malaysia bukan sahaja di ASEAN tetapi di seluruh Malaysia.

Saya juga mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed, yang kita semua kasihi, yang telah dianugerahkan pingat Jawaharlal Nehru dari India, King Al-Malik Faisal dari Saudi Arabia, Ahmad Al-Fatah Award dari Amir of Bahrain, Mubarak Al-Kabir Award dari Amir of Kuwait dan pingat tertinggi The Order Of The Golden Hope-Class 1, Grand Cross Gold dari Presiden Nelson Mandela dari South Afrika.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kepimpinan dinamik beliau memberi inspirasi kepada seluruh lapisan rakyat. Rakyat seluruh Malaysia berbangga dengan kejayaan Yang Amat Berhormat. Kehadiran Yang Amat Berhormat hari Selasa minggu dulu bukan sahaja membawa kehormatan kepada Dewan yang mulia ini tetapi juga menunjukkan kualiti kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sampai kita semua rasa tidak adil kepada Yang Amat Berhormat, walaupun dia sibuk, dia pun datang di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk menyentuh sedikit projek penswastaaan yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, projek penswastaaan memang baik dan sepanjang ini sudah membawa kemajuan yang cepat dan juga menjimatkan perbelanjaan kerajaan, akan tetapi saya harap ia jangan sampai membebankan rakyat serupa robbing Paul to pay John, dengan izin. Baru-baru ini, Menteri Kerja Raya mengumumkan bahawa semua pengguna jalan raya dikehendaki membayar tol bukan sahaja di lebuhraya tetapi juga jika mereka menggunakan jalan alternatif.

Tuan Yang di-Pertua, pihak penswastaaan ada tanggungjawab kepada semua rakyat supaya jalan-jalan bertol lebih selamat dan perjalanan kenderaan menjadi lebih teratur, efisien dan cekap. Janganlah hendak pasang lampu sahaja, saya dengar kena bayar tol lebih.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, kerajaan seharusnya menyediakan jalan alternatif bagi pengguna-pengguna yang tidak mahu menggunakan jalan bertol untuk menjimat wang. Saya, dengan izin, hendak quote dari surat khabar, *“Promise of toll free road not new” “In trying to neutralise objection from the project, the government made a promise that the use of the toll highway was not mandatory.*

According to the comment the Prime Minister when opening the new Klang Valley Expressway on January 11th. 1993 was quoted as saying: "With the toll system only those who use the expressway need to pay for it and there's also sufficient alternative for those who do not prefer to use the expressway".

Dengan itu dari Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu: *"He was more forcefull in assuring the people. Speaking at the opening of the Senawang Air Keroh section of the North South Expressway on August 13th. 1987, he said: "Those who do not want to pay toll can always use the old road. We will maintain and operate this old road for a 1,000 years more if possible."*

Tuan Yang di-Pertua, dari itu, saya haraplah iaitu 'jagalah kebahagiaan rakyat' (JKR), janganlah naikkan tol sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada 3hb. Ogos 1996 rakyat Malaysia marah kepada TNB atas kegelapan seluruh Malaysia selama 17 jam. Pada tahun lalu iaitu 1995 Pulau Pinang tidak mempunyai elektrik selama 10 hari dengan peristiwa yang baharu yang hangat dalam otak kita, TNB menaikkan tarif untuk menjaga imej mereka pada 1hb. Mei.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya quote: *"We will let to believe that Tenaga's privatisation will lead to more efficient service. But now we are told that we have to help finance Tenaga's expenditure so as to improve its service. The reason nationwide blackout has made Tenaga a financial risk. Therefore, it is Tenaga's responsibility to regain its credibility with the financial institution through its services. The companies dependent on the consumers to increase its profit merely to show its efficiency of Tenaga Nasional."*

Tuan Yang di-Pertua, Tenaga Nasional menaikkan tarifnya pada 1hb. Mac 1996 iaitu tak sampai satu tahun setengah dan pada 13hb. Mei Tenaga Nasional Berhad

mengumumkan keuntungan sebelum cukai naik 31%. Keuntungan Tenaga bertambah 30% iaitu mengikut Tenaga Nasional, walaupun turnover dikurangkan. TNB telah mengisytiharkan dividen sebanyak 5% dan akan dibiayai kepada pemegang saham pada bulan Julai ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya keliru sedikit, pada tahun 1996 TNB mengemukakan keuntungannya turun 29% dan setengah tahun 1997 selepas menaikkan tarif keuntungannya sudah naik balik 30%, mengapa TNB kena menaikkan tarif lagi jikalau keuntungannya sudah naik balik.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Dewan yang mulia ini dapat menjawab soalan yang berikut:-

- (i) Dengan kenaikan tarif pada 1hb. Mac tahun lalu apakah kelebihannya kutipan TNB dengan sebelum kenaikan tarif dalam satu tahun;
- (ii) Apakah tambahan kutipan selepas kenaikan tarifnya dari 1hb. Mei untuk satu bulan;
- (iii) Apakah jumlah pembayaran dividen sebanyak 5% yang akan dibayar kepada pemegang saham?

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan daripada TNB, saya rasa menaikkan tarif itu tidak patut sebab mereka belum lagi menunaikan efficiency mereka yang dijanjikan pada tahun dahulu. Kalau mengikut laporan purata sebanyak 277 breakdown berlaku satu hari pada tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Service Unavailability Index (SUI) tahun lepas ialah 291 minit berbanding dengan 6 minit di Jepun.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat tidak patut menjadi mangsa sebab kesalahan, kelemahan atau kesilapan polisi Tenaga Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar kerajaan mempunyai 30% dan 70% TNB dan keuntungannya akan diberi penguntungan kepada rakyat mengikut TNB tetapi, “Somehow this argument will not go down well for most Malaysian, if they are expected to pay more and not see any increase benefit and return.” Saya harap selepas peristiwa ini TNB akan dapat mengkaji dengan teliti kesilapan, kelemahan mereka untuk kebaikan dan nama negara kita dan TNB.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari Jumaat lepas iaitu 16hb. ada satu kebakaran berlaku di Jalan Raja Uda, di Bagan, Pulau Pinang. Pasukan sukarela Bomba tempatan menelefon TNB nombor 3312020 pada pukul 9.25 pagi dan banyak kali selepas itu untuk mereka memotong elektrik akan tetapi TNB datang selepas satu jam. Ini menunjukkan kelemahan dan tidak bertanggungjawabnya pekerja TNB. Kelemahan mereka bukan sahaja menambahkan kerugian akan tetapi juga membahayakan ahli Pasukan Bomba Sukarela yang berkhidmat walaupun sukarela dengan penuh dedikasi dan penuh semangat. Apa kata TNB, Tuan Yang di-Pertua, di Teluk Bahang di Pulau Pinang banyak penghuni rumah yang membuat aduan TV, peti sejuk, radio dan kawat elektrik mereka rosak disebabkan ‘power search’ di situ. Siapakah akan mengganti rugi mereka itu, Tuan Yang di-Pertua? Rakyat Malaysia tiada pilihan lain kecuali membeli elektrik daripada TNB.

Tuan Yang di-Pertua, masalah gejala sosial, bukannya sahaja surat khabar 52 bayi mati, masalah rogol, pembunuhan, anak pukul bapa, lepak, bohsia dan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menghadiri Dewan yang mulia ini pada hari Selasa yang lalu, saya bersetuju sepenuhnya dengan

beliau, dia berkata: “Pemimpin bukan sahaja mesti bersih akan tetapi mesti nampak bersih.”

Tuan Yang di-Pertua, tamak ialah punca utama berlakunya rasuah. Kalau semua itu mengamalkan sifat tamak selagi itulah rasuah berlaku. Selagi manusia mengamalkan sikap tidak apa dengan sebarang kejadian atas alasan tidak ada hubung kait dengan dirinya, selagi itulah sukar menangani rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, rasuah tidak jauh berbeza dengan jenayah lain. Dan saya haraplah kerajaan dapat menghapuskan rasuah dengan hukuman yang lebih keras seperti yang selalu dibincangkan, rampasan harta. Saya harap BPR dapat menyiasat sesiapa yang hidup dengan berlebihan daripada pendapatannya. Rasuah ini boleh menjatuhkan sebuah kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, misalnya di beberapa negara jiran kita yang sampai dekat bankrap.

Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir, saya harap setiap orang yang berbau perlakuan rasuah, tampil ke hadapan membuat laporan. Banyak kes rasuah tidak dapat dibuktikan kerana banyak orang yang terlibat tidak mahu menjadi saksi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah sosial turut melibatkan remaja-remaja kita yang masih di alam persekolahan. Peningkatan masalah sosial di golongan pelajar dan remaja sudah sampai ke tahap yang memeranjatkan. Adakah masalah pelajar di sekolah kita ini adalah masalah kurikulum sekolah atau masalah polisi kerajaan atau kekurangan menunjukkan kasih sayang dari guru di sekolah, di rumah dan di seluruh masyarakat terhadap mereka?

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini hari-hari perkara misalnya pelajar pukul guru, guru pukul murid, ibu bapa bergaduh dengan guru, ponteng, pelajar mengandung, rogol di sekolah sudah menjadi perkara biasa.

Saya harap kementerian memandang dengan serius segala masalah ini dan cadangan untuk mengatasi perkara ini hendaklah cepat, tepat dan praktikal dan terus dilaksanakan sebelum sampai tahap mereka tidak dapat dikawal lagi. **Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, masa tinggal dua minit lagi.

Tuan Tan Swee Hueng: Tuan Yang di-Pertua, gejala sosial di kalangan pelajar kita tidak boleh disalahkan sistem pendidikan sekolah ataupun guru-guru sahaja. Tanggungjawab yang paling utama ialah ibu bapa. Di sekolah dedikasi dan komitmen guru adalah mustahak, akan tetapi di rumah ibu bapa juga kena memainkan peranan mereka seperti ibu bapa dan menunjukkan kasih sayang, berbual dan berbincang dengan anak-anak mereka. Banyak ibu bapa keluar awal balik selepas tengah malam.

Satu minggu tidak dapat duduk dengan anak, dengan keluarga termasuk anaknya sampai satu jam, macam mana anak-anak mereka hendak bertanya, berbincang, meminta nasihat daripada mereka?

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal guru sekolah, untuk memulihkan semangat dan dedikasi guru, saya harap kerajaan mengkaji keadaan kedudukan guru dan saya mengesyorkan Skim Perkhidmatan Guru diberi lebih perhatian yang berat oleh kerajaan, sebab kelewatan masalah ini akan menjejaskan masa hadapan guru dan negara kita. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Puan Hajah Selemiah binti Hashim.

4.30 ptg.

Puan Hajah Selemiah binti Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana telah memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Penggal Ketiga,

Parlimen Kesembilan pada 24hb. Mac yang lalu, kerana satu ucapan yang memberangsangkan dan merangkumi aspek kemajuan dan berbangga di atas pencapaian kemajuan dan pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang bijaksana lagi kita kasihi.

Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh bahawa Malaysia adalah negara aman, damai dan makmur. Perkara ini adalah satu perkara yang telah dibuktikan di mata dunia. Malaysia, walaupun rakyatnya berbilang kaum dapat hidup dengan aman dan damai. Keprihatinan kerajaan untuk melihat wujudnya perpaduan di kalangan rakyat adalah amat membanggakan. Ini jelas kerana kerajaan telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang stabil dari segi politik.

Selain daripada itu dalam konteks dan hasrat kerajaan untuk melahirkan masyarakat penyayang, maka saya ingin meyeru pihak kerajaan supaya memikirkan langkah-langkah yang perlu dan sesuai dari segi bantuan dan galakan membentuk sistem keluarga yang bahagia. Penghargaan dan sanjungan yang diberikan kepada golongan wanita dalam bentuk hadiah ataupun Ibu Mithali atau Ibu Contoh adalah merupakan satu langkah yang patut diperluaskan lagi ke seluruh negara bagi menimbulkan suatu kesan keharmonian dan kesejahteraan dalam unit keluarga dan masyarakat penyayang.

Dalam era menuju Wawasan 2020 untuk menjadi sebuah negara maju, sumbangan wanita tidak boleh diketepikan lagi. Bilangan pekerja wanita hampir sama dengan lelaki secara keseluruhannya. Namun penglibatan tokoh dan pemikir wanita dalam merangka dasar dan keputusan penting masih terhad, baik di sektor kerajaan mahupun swasta, faktor ini menyebabkan keperluan dan permasalahan mereka tidak mendapat perhatian penuh atau kurang difahami oleh pihak atasan. Wanita yang bekerja di pejabat, di kilang,

di ladang atau di mana sahaja juga merupakan isteri dan ibu dalam sebuah institusi keluarga. Mereka mempunyai tugas hakiki yang tidak boleh diabaikan di rumah. Bagaimanapun sumbangan mereka dalam pembangunan negara juga sangat diperlukan. Keadaan ini mempengaruhi prestasi kerja mereka dalam mengimbangi antara tugas di tempat kerja dan rumah. Sekiranya keadaan ini tidak ditimbangkan dengan wajar, kita akan hanya mempunyai wanita yang cemerlang dalam kerjaya, tetapi keluarga di rumah kucar-kucir atau pekerja yang sambil lewa di pejabat lantaran tanggungjawab terhadap keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini, pihak kerajaan difikirkan wajar memberi peluang lebih banyak kepada tokoh dan pemikir wanita terlibat dalam penggubalan dasar dan polisi kerja di negara ini. Ini diharapkan dapat membantu gerak kerja wanita dalam menghadapi kemelut tanggungjawab yang kian dipersoalkan terhadap peranan yang membentuk institusi keluarga yang harmoni dan teratur bagi menjamin generasi pewaris yang cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan daripada itu juga pihak majikan sama ada di sektor awam mahupun sektor swasta difikirkan perlu mewujudkan jadual bekerja anjal (flexible), dengan izin bagi para ibu dengan mengambil kira bebanan kerja mereka di rumah. Untuk melaksanakannya kita boleh mengambil beberapa contoh daripada negara-negara yang mengamalkannya seperti contoh United Kingdom telah pun memperkenalkan waktu pejabat dan jenis kerja yang membolehkan wanita menjalankan tugas mereka tanpa perlu meninggalkan rumah dalam keadaan yang tidak terurus. Sekiranya cara begini dapat dilaksanakan pasti ia dapat mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh para ibu yang bekerja, di samping memberikan perhatian yang lebih

kepada kebajikan anak-anak khususnya dalam peringkat persediaan di awal pagi, kemungkinan cara ini juga dapat mengurangkan kesesakan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh mengenai peri pentingnya kerajaan untuk terus memberikan perhatian ke arah membina generasi belia dan remaja yang dapat menguasai ilmu kemahiran, disiplin dan nilai hidup yang boleh bersama membangunkan bangsa Malaysia.

Difahamkan daripada laporan dan data yang dikeluarkan oleh pelbagai pihak terutama media massa, bilangan penagih dadah terus meningkat. Kadar peningkatan pula sangat membimbangkan. Kita juga mendengar banyak program dan langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk menghapuskan gejala dadah ini. Pelbagai tindakan hukuman yang berat dikenakan kepada pengedar dadah, namun dadah masih berleluasan dan seolah-olah tidak terbandung. Kenapa usaha ini tidak mencapai matlamatnya? Di manakah silapnya langkah tersebut dan mengapa pula pusat serenti yang memberikan khidmat pemulihan kepada penagih dadah dikurangkan bilangannya? Adakah cara pemulihan yang dijalankan oleh pusat serenti sekarang tidak begitu berkesan? Mungkin kita boleh menyemak kembali aktiviti-aktiviti pengisian yang telah dijalankan. Mungkin kita boleh melibatkan pakar-pakar motivasi dan ahli-ahli perubatan yang berkaitan serta badan-badan bukan kerajaan untuk sama-sama merangka dan melaksanakan program pemulihan secara fizikal dan rohani. Selain daripada memberikan kesedaran tentang bahaya dadah, para pelatih juga perlu diperkuatkan dengan amalan agama masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh sedikit tentang Kementerian Pendidikan. Kelemahan dan kelonggaran disiplin setengah-setengah sekolah menengah

di masa ini agak membimbangkan terutamanya masyarakat bandar. Anasir-anasir yang tidak diingini berlaku yang melibatkan pelajar-pelajar kita di sekolah menengah. Kita faham bila ada masalah disiplin yang ditimbulkan maka berlakukan tuduhan dan anggapan yang sumbangan di antara ibu bapa, pihak sekolah dan seterusnya Jabatan Pendidikan Negeri, tetapi masalah yang dihadapi tidak juga selesai. Ada kalanya tindakan yang diambil apabila keadaan telah berlaku.

Saya ingin mencadangkan agar unit yang mengawasi hal ehwal pelajar Jabatan Pendidikan Negeri berkerjasama dengan Unit Pencegah Jenayah Polis menjalankan satu kajian di sekolah-sekolah. Kemungkinan telah ada beberapa perancangan yang telah diatur, tetapi apa yang saya fikirkan agar kekerapan tindakan, sentiasa bergerak tidak hanya bertindak apabila laporan diterima.

Keruntuhan moral para pelajar khususnya pelajar-pelajar yang masih di bangku sekolah sangat memprihatinkan. Aktiviti samseng dan ganas oleh pelajar lelaki, manakala penyakit mengandung luar nikah pula menjalar kepada pelajar-pelajar perempuan, dalam usia yang masih terlalu muda mereka telah menjalani kehidupan curang dan tidak bertanggungjawab oleh kaum dewasa. Kita tidak mahu menuding jari menyalahkan sesiapa dalam hal ini, yang penting ialah tindakan dan penyelesaian daripada langkah-langkah yang telah diambil seperti kuasa polis kepada guru dengan melantik beberapa orang kaunseling, mewajibkan kurikulum dan pelbagai program motivasi yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Jadi, sejauh mana keberkesanan dalam membendung situasi pelajar yang sungguh membimbangkan ini? Bagaimana penglibatan para pelajar dalam program-program yang dijalankan oleh pihak sekolah, adakah pelajar-pelajar nakal ini turut serta secara aktif dalam program tersebut dan sejauh manakah mereka menerimanya? Kepada pelajar-pelajar yang telah terjebak dalam kancap

masalah ini, apakah pula tindakan yang telah diambil dan apakah pula nasib mereka selepas ini? Adakah Kementerian Pendidikan membuat kajian terperinci mengenai permasalahan pelajar dan sejauh mana tindakan berkesan yang dibuat? Kita melihat prestasi semakin meningkat dari aspek akademik, tetapi akhlak mereka pula sebaliknya. Apakah sistem pendidikan kita hanya untuk mencemerlangkan akademik tanpa memikirkan akhlak mereka?

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit lagi tentang pendidikan. Kalau dikatakan memang benarlah tidak semestinya sekolah berasrama penuh sahaja yang berupaya memberi pendidikan terbaik, kerana sistem pendidikan kita sama sahaja di sekolah mana pun dan murid boleh mendapat kejayaan cemerlang seperti yang sudah mereka buktikan menerusi UPSR yang lalu. Bagaimanapun tidak boleh dinafikan bahawa setiap sekolah berasrama penuh itu memang sedia menjanjikan suasana dan keadaan yang juga sesuai bagi tujuan menimba ilmu sambil mempertajamkan minda serta pengetahuan murid-murid yang belajar dan yang tinggal di asrama.

Sehubungan dengan itu kita merasakan bahawa sudah sampai masanya bagi kerajaan menyediakan lebih banyak sekolah berasrama penuh dengan hanya membina bangunan di sekolah-sekolah yang sedia ada, yang didapati sesuai bagi tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan falsafah 'Rakyat Sihat Negara Maju' perhatian yang serius hendaklah ditumpukan kepada pembangunan kesihatan. Hari ini kebanyakan pesakit-pesakit menghadapi masalah memperolehi rawatan perubatan yang baik dalam keadaan yang terdesak, memandangkan betapa ramainya daftar pesakit yang sedang menunggu giliran mereka di hospital-hospital kerajaan.

Di sini saya ingin mencadangkan supaya PERKESO diperluaskan untuk meliputi insurans rawatan perubatan dan kesihatan bagi merancangkan satu skim di mana

pekerja-pekerja dan majikan sama-sama menyumbang kepada skim insurans rawatan perubatan yang membolehkan pekerja-pekerja kita mampu mendapatkan rawatan pakar di hospital-hospital swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pemusatan penyelarasan pentadbiran Mahkamah Syariah di Malaysia. Dalam usaha untuk mendaulatkan mertabat perundangan syariah di mata masyarakat dan mewujudkan kesatuan umah di negara ini, saya berharap agar semua negeri yang masih belum memberikan persetujuan untuk memusatkan dan menyeragamkan pentadbiran Mahkamah Syariah di Malaysia supaya berbuat demikian dengan segera. Usaha ini sangatlah perlu untuk mempertingkatkan mutu pentadbiran dan pelaksanaan undang-undang syariah yang berkait rapat dengan imej undang-undang Islam dan agama itu sendiri bagi memberi impak kepada usaha-usaha dakwah islamiah. Diharap pihak berkaitan akan segera membuat kata putus melaksanakan usaha penyelarasan ini demi kepentingan umat Islam yang sedang gawat dengan pelbagai masalah akedah, murtad, ajaran sesat, sosial, khalwat, keganasan rumahtangga, perceraian dan bermacam-macam musibah yang perlu kepada bantuan pihak Mahkamah Syariah.

Dalam menangani masalah rumahtangga, kita tidak mahu imej berat sebelah Mahkamah Syariah berterusan dengan kes tuntutan nafkah yang berlarutan bertahun-tahun lamanya, perbalahan suami isteri dianggap remah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ramai lagi kawan-kawan yang akan berucap dalam Dewan ini, saya mengambil kesempatan mengucapkan berbanyak terima kasih. Maka saya dengan ini menyokong Usul Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop.

4.43 ptg.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Parlimen pada 24hb. Mac, 1997.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan terima kasih dan syabas kepada kerajaan kerana usaha dan kesungguhan mewujudkan dan melaksanakan Koridor Raya Multimedia. Penghargaan dan sanjungan khas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang tidak mengenal penat dan lelah dan tidak mengenal erti kebosanan dalam mempromosikan Koridor Raya Multimedia di negara-negara maju.

Kita sedia maklum telah beberapa kali beliau ke Amerika Syarikat, Jepun dan ke negara-negara Eropah untuk memberi keyakinan negara-negara maju menyertai pembangunan MSC di negara ini. Kita sedia makluma bahawa Yang Amat Berhormat sekarang berada di London dan dengan tujuan yang sama. Pembangunan teknologi maklumat dan telekomunikasi bergerak begitu cepat sekali. Abad ke-21 akan menampakkan betapa perlunya pembangunan hi-tech di negara ini dan di rantau ini. Oleh itu, Koridor Raya Multimedia perlu diberi keutamaan dalam agenda pembangunan negara. Kegagalan kita menguasai bidang hi-tech akan menenggelamkan hasrat kita untuk menjadi negara maju pada tahun 2020. Oleh itu, setiap jentera kerajaan perlu digembleng dan digerak untuk memastikan matlamat merealisasikan Koridor Raya Multimedia menepati sasaran mengikut jangka waktunya. Amat mendukacitakan hingga kini masih lagi terdapat rungutan tentang kelewatan jentera kerajaan untuk memproses usaha-usaha pelaksanaan MSC ini dan kita harap agar kelewatan ini tidak akan terus berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kita memajukan hi-tech industri khususnya yang bersangkutan dengan teknologi maklumat di negara ini, kita jangan menafikan untuk mendapatkan kerjasama dan sokongan dari negara-negara jiran dan serantau. Negara-

negara rantau ini khususnya negara ASEAN tidak boleh ketinggalan jauh di bidang teknologi ini. Mereka perlu mengikut rentak yang sama agar mereka juga dapat menyumbang ke arah pembangunan multimedia di negara kita. Negara-negara ASEAN yang menjadi sebahagian besar penduduk dunia pasti akan menjadi pasaran terpenting negara kita. Selain di negara kita sendiri di negara-negara serantau patut juga didirikan industri-industri sokongan terutama sekali yang berasaskan tenaga buruh ataupun, dengan izin, labour intensive industry, pelabur-pelabur di negara kita sudah sepatutnya bersedia untuk menjejakkan kaki mereka di negara-negara berkenaan, mengusahakan industri sokongan yang dinyatakan di samping membantu negara meluaskan dan mempercepatkan pembangunan teknologi di negara ini. Usaha ini sudah pasti dapat meringankan bebanan negara memikul masalah yang didatangkan oleh pekerja-pekerja asing dan pendatang-pendatang tanpa izin.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga menyanjung tinggi usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan membantu negara-negara miskin dan membebaskan negara-negara mundur dan membangun dari cengkaman negara-negara kaya khususnya negara-negara Barat. Di forum-forum antarabangsa kita tidak pernah takut menyuarakan gejala-gejala buruk yang dilakukan oleh negara-negara Barat terhadap negara-negara miskin, bahkan Perdana Menteri kerap mengadakan misi pelaburan ke negara-negara miskin khususnya ke Benua Afrika untuk membantu membangunkan negara-negara berkenaan. Ini adalah usaha kita untuk mewujudkan dunia yang lebih adil dan bebas dari tekanan negara kaya. Alhamdulillah, usaha ini bukan sahaja telah mendapat pengiktirafan dunia dan sanjungan daripada negara-negara berkenaan, bahkan dikagumi oleh negara-negara kaya itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita akui gejala rasuah di negara kita belum sampai ke tahap setengah-setengah negara yang mengamalkan rasuah. Di setengah-setengah negara rasuah ini diamalkan secara terbuka. Saya pernah berada di sebuah negara jiran dan oleh sesuatu sebab kalau akan sampai ke pusat pemeriksaan Imigresen, saya terpaksa meminta pertolongan salah seorang daripada pegawai yang ada di situ. Malangnya, pertolongan yang sedikit itu mereka secara terbuka meminta sebanyak RM20 dari saya. Secara terbuka. Mungkin di negara kita perkara itu belum berlaku lagi. Sahabat saya pula tidak dapat ataupun ketinggalan kapal terbangnya oleh sedikit masalah kecil dan terpaksa bermalam di negara berkenaan satu malam, padahal perkara itu boleh diselesaikan. Dan beliau telah dibenarkan untuk terbang balik ke negara kita tanpa sebarang proses yang perlu dilakukan.

Mungkin perkara yang serupa berlaku di negara kita tanpa kita sedari. Kita lihat di meja-meja pegawai fail bersusun tinggi dan kita lihat juga pegawai-pegawai berkenaan sempit bersebang-sembang dengan pegawai-pegawai lain dan berceloteh panjang di kantin pejabat pada waktu pejabat. Kadangkala orang ramai yang hendak urusan mereka dibuat segera terpaksa berjumpa pegawai berkenaan di luar kantor dan itu biasanya seperti yang kita sedia maklum 'bisa diatur' dan lantas bergeraklah fail yang di bawah naik ke atas dan fail yang di atas turun ke bawah. Kerja sengaja dilambatkan kerana menunggu mangsa.

Gejala rasuah menular bukan sahaja di kalangan pegawai-pegawai atasan, bahkan di kalangan pegawai-pegawai bawahan sehingga kepada budak pejabat sekalipun. Kita sedia maklum, penerima rasuah tidak pernah berasa puas. Kalau dimulakan dengan hanya puluhan ringgit, dia akan pergi ke ratusan ringgit, ke ribuan ringgit dan ke jutaan ringgit. Malangnya satu masa dahulu, bila disebut tentang rasuah terbayang di kepala kita

pihak polis atau pihak kastam. Hari ini, bila sebut sahaja tentang rasuah termasuk satu golongan lagi di kepala kita iaitu pemimpin-pemimpin politik, wakil rakyat dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan. Perkara ini selalu terpapar di muka hadapan akhbar-akhbar tempatan. Sekiranya benar, pemimpin-pemimpin kerajaan termasuk dalam golongan ini, rakyat akan menderita dan kerajaan akhirnya akan hancur. Kita telah sama-sama membangunkan negara ini jauh lebih maju daripada negara-negara lain yang senasib dengan kita, janganlah hendaknya kita yang bertanggungjawab terhadap kehancurannya.

Oleh itu, satu pelan tindakan yang komprehensif perlu diadakan untuk menghapuskan gejala rasuah ini. Kuliah-kuliah yang bercorak agama dan moral perlu diadakan sekerap yang mungkin di jabatan-jabatan dan pastikan setiap anggota jabatan menghadiri kuliah ini. Nilai-nilai agama dan moral perlu diterapkan di dalam sanubari setiap kakitangan pejabat. Pasangkanlah sepanduk-sepanduk di tempat-tempat yang strategik yang sesuai supaya jelas kepada kakitangan kerajaan dan orang ramai tentang tindakan dan akibat buruk sekiranya perbuatan rasuah dilakukan. Saya bersetuju saranan yang dikemukakan oleh rakan kita iaitu hukuman berat patut dikenakan kepada penerima rasuah termasuklah merampas harta benda yang dinilai bukan menjadi haknya.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan syabas kepada Kementerian Pendidikan kerana tahap kecemerlangan akademik tahun demi tahun. Ini ternyata berdasarkan keputusan-keputusan peperiksaan pada tahun-tahun yang lalu. Kecemerlangan ini sudah pasti hasil daripada usaha gigih pihak kementerian, jabatan, sekolah, guru-guru dan murid-murid. Kita sanjung tinggi usaha kerajaan menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan serantau dengan meningkatkan lagi tahap pendidikan di negara ini. Usaha ini akan menguatkan keyakinan rakyat melanjutkan pelajaran anak-anak mereka di dalam negeri ini sendiri.

Namun demikian, kita masih lagi menghadapi masalah sosial yang serius di kalangan pelajar-pelajar. Keruntuhan moral pelajar-pelajar selalu diperkatakan di mana-mana sahaja. Saya ingin tahu sama ada Kementerian Pendidikan telah merancang dan melaksanakan pelan induk untuk mengatasi masalah sosial pelajar-pelajar di negara ini. Saya ingin menyarankan agar Kementerian Pendidikan menubuhkan satu unit khas di peringkat kementerian, jabatan pendidikan negeri dan daerah, guna untuk menangani masalah gejala sosial ini. Tidak dapat kita nafikan bahawa telah wujudnya satu sektor di jabatan-jabatan pendidikan negeri iaitu Unit Hal Ehwal Murid dan juga Unit Khas Penyalahgunaan Dadah untuk menangani masalah-masalah tertentu dan kita sangat-sangat berharap supaya satu unit khas juga ditubuhkan yang berfungsi sebagai unit penguatkuasa dengan mempunyai kuasa tertentu untuk memeriksa pusat-pusat hiburan, pasaraya-pasaraya dan pusat-pusat yang mana menjadi tumpuan pelajar-pelajar. Mungkin dengan cara ini kita dapat menghalang pelajar-pelajar daripada ponteng sekolah, membuang masa dan berkhayal di tempat-tempat yang disebutkan di atas.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum, kepesatan pembangunan pengangkutan di negara kita. Di samping pengangkutan udara dan darat yang telah pun bergerak lancar, kerajaan juga perlu memajukan pengangkutan laut dan sungai di negara kita ini. Pengangkutan perairan yang menjadi pengangkutan utama pada satu masa dahulu kini telah banyak ditinggalkan. Selain ia dapat mempelbagaikan jenis pengangkutan di negara ini, ia juga pasti dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di jalan raya dan pengangkutan udara.

Agak aneh juga, rakyat Malaysia khususnya rakyat Johor tidak dapat menggunakan Selat Tebrau seperti yang sepatutnya. Kenapa kita mesti terhalang menggunakan perairan itu sebebannya. Kenapa kita mesti mengelilingi sebuah negara asing untuk pergi dari

Pantai Barat ke Pantai Timur melalui laut. Sudah tiba masanya Selat Tebrau dibuka kepada laluan perkapalan untuk kepentingan pengangkutan dan keselamatan negara. Saya ingin tahu daripada pihak kerajaan, bilakah jambatan yang menghubungkan Johor dan Singapura itu akan ditebuk untuk laluan perkapalan. Bilakah jambatan kedua yang membenarkan laluan kapal di Selat Tebrau akan dibina. Perlu diingat, selagi Selat Tebrau tidak dibuka kepada laluan perkapalan selagi itulah pelabuhan-pelabuhan kita terutama pelabuhan Selatan negara kita iaitu Pelabuhan Pasir Gudang tidak akan dapat digunakan ke tahap yang optima.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahajalah hujah saya, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan sekali lagi saya menyokong usul menjunjung kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Hajah Khadijah.

4.57 ptg.

Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk sama-sama menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Kesembilan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sudah menjadi sebuah negara yang terkenal di dunia. Tahniah dan syabas diucapkan kepada kerajaan terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membuktikan kecekapan beliau menjadi nakhoda mengemudikan negara meraih kejayaan demi kejayaan sehingga Malaysia mendapat penghormatan dari seluruh dunia. Kejayaan yang diperolehi oleh Malaysia dalam pelbagai bidang membuktikan hasrat yang paling penting bagi Malaysia ialah orang-orang

Malaysia lebih penting daripada keindahan alam semula jadi buminya. Nilai-nilai semula jadi orang Malaysia lebih menyerlah daripada nilai-nilai semula jadi bumi Malaysia. Apabila nilai-nilai semula jadi Malaysia dijadikan kemudahan asas yang baik, ia menjadi tarikan penting kepada pelancong-pelancong. Jika nilai-nilai semula jadi orang-orang Malaysia diberi kemudahan asas yang baik, ia akan menjadi penggerak yang lebih berkesan kepada perkembangan industri pelancongan negara. Sehingga kini hanya satu sahaja aspek nilai-nilai semula jadi orang-orang Malaysia diberi perhatian di dalam industri pelancongan. Aspek tersebut ialah kebudayaan. Kita perkenalkan nilai-nilai semula jadi orang-orang Malaysia melalui wayang kulit, tarian singa, dikir barat, boria dan seumpamanya.

Usaha menarik pelancong dengan cara demikian telah banyak membantu perkembangan industri pelancongan negara dan wajar diteruskan. Tetapi tidak mencukupi jika hanya aspek tersebut dan aspek alam semula jadi bersama kemudahan asas semata-mata diberikan perhatian serius. Sudah sampai masanya industri pelancongan negara diperkembangkan dengan cara yang lebih luas lagi dengan menggunakan nilai-nilai orang Malaysia yang dikagumi oleh orang-orang negara lain.

Masyarakat luar sangat kagum dengan Malaysia kerana kejayaan membentuk satu umat yang dari pelbagai puak dan etnik hidup di dalam suasana harmoni dan aman sejahtera. Apa yang dicapai oleh Malaysia di dalam menyatupadukan rakyatnya tidak dapat dilakukan oleh negara-negara lain, termasuklah Amerika Syarikat. Mereka mahu tahu rahsia dan formula yang digunakan oleh Malaysia di dalam menangani masalah isu perkauman sehingga perkara yang begitu sensitif boleh dikawal dengan efektif. Rahsia dan formula tersebut boleh dijual melalui industri pelancongan negara.

Pembentukan masyarakat Malaysia yang bermula daripada taman asuhan kanak-kanak, masuk ke sekolah rendah, kemudian ke sekolah menengah, ke pusat-pusat pengajian tinggi dan seterusnya kepada alam pekerjaan. Setiap sektor tersebut boleh diubah suai dan ditambah kemudahan asasnya bagi memasukkan nilai-nilai komersial melalui industri pelancongan di dalamnya tanpa menjejaskan tujuan dan matlamat penubuhan sektor-sektor tersebut.

Perkembangan ekonomi negara juga menarik perhatian masyarakat luar. Malaysia sudah berjaya mewujudkan syarikat yang besar-besar, seperti TNB, PETRONAS, PROTON, PERWAJA dan sebagainya. Badan-badan dan syarikat-syarikat yang demikian harus membuka pintu dan menghulur tangan kepada pengusaha-pengusaha pelancongan dan menjadikan sektor mereka sebagai tarikan kepada para pelancong. Banyak lagi bidang-bidang yang boleh diterokai bagi mengembangkan industri pelancongan negara dengan menggunakan nilai-nilai orang Malaysia. Pelancongan seperti ini berkonsepkan melancong sambil membangun.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembangunan projek Koridor Raya Multimedia. Pembangunan projek Koridor Raya Multimedia yang termasuk di dalamnya pembangunan bandar Cyberjaya dan Universiti Multimedia menjadi kebanggaan semua rakyat Malaysia. Projek gergasi ini menenggelamkan apa yang pernah dianggap sebagai hebat dahulunya.

Di dalam mempersiapkan diri menerima perubahan besar yang akan melanda negara melalui pembangunan projek Koridor Raya Multimedia ini, saya ingin menarik perhatian pakar-pakar bahasa kita. Adakah bahasa Malaysia sudah dipersiapkan secukupnya dan secanggihnya untuk sama-sama bersaing dengan bahasa-bahasa lain di dalam teknologi maklumat? Agak malang sekali jika pada tahun 2020 nanti kesan

daripada teknologi maklumat bahasa Malaysia hanya digunakan untuk pertuturan di rumah-rumah sahaja. Pakar-pakar bahasa mestilah serius membina bahasa Malaysia agar bahasa ini nanti menjadi bahasa utama di dalam sektor teknologi maklumat digunakan secara meluas oleh pelbagai golongan pengguna teknologi maklumat di pelbagai negara.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memberi perhatian yang serius kepada langkah menjaga kesihatan rakyat. Pelbagai kemudahan telah disediakan. Dalam hal ini, sektor swasta telah diberi inisiatif bagi melengkapkan kemudahan yang telah kerajaan sediakan.

Saya ingin menarik perhatian kepada satu lagi bidang perubatan yang tidak kurang popular di negara ini. Bidang tersebut ialah perubatan cara tradisional yang ada dalam semua puak dan bangsa di negara ini. Perubatan cara tradisional ini telah diletakkan di bawah pengawasan dan penguatkuasaan Kementerian Kesihatan. Di samping pengawasan dan penguatkuasaan, langkah memajukan industri perubatan tradisional perlu juga diberi perhatian dan bantuan agar perubatan tradisional boleh menjadi alternatif yang berkesan kepada perubatan cara moden.

Pengamal perubatan tradisional rata-rata terdiri daripada orang-orang yang hanya memiliki kepakaran perubatan, tetapi tidak ada kepakaran mengurus dan tidak mempunyai kemudahan yang lengkap bagi memajukan industri tersebut. Agensi-agensi kewangan negara haruslah mengadakan peruntukan bagi memajukan industri tersebut. Bimbingan pengurusan juga perlu disampaikan kepada orang-orang yang terlibat. Setiap negeri haruslah mempunyai makmal lengkap bagi membantu perusahaan perubatan tradisional. Ubat-ubat tradisional hendaklah dimajukan dan dimodenkan dan bila keberkesanan ubat-ubat tradisional telah terbukti, ubat-ubat tersebut perlu diberi peluang digunakan di hospital-hospital.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai keruntuhan moral. Masalah keruntuhan moral yang melanda negara pada masa ini dianggap sebagai berada pada tahap yang serius. Keruntuhan moral bukanlah perkara yang baru. Lebih daripada 1,400 tahun yang lalu Nabi Muhammad s.a.w. lahir di tengah-tengah masyarakat yang mengalami keruntuhan moral yang jauh lebih serius daripada apa yang dihadapi oleh negara hari ini. Masyarakat pada ketika itu dinamakan masyarakat jahiliah. Pelanggaran etika moral yang dilakukan oleh masyarakat jahiliah termasuklah zina, judi, minum arak, membunuh anak-anak perempuan, memakan riba, menyelesaikan masalah dengan cara berperang, menjadikan kaum perempuan sebagai alat memuaskan hawa nafsu kaum lelaki, penindasan golongan yang kuat kepada golongan yang lemah, memaksa sesama manusia menjadi hamba dan lain-lain lagi. Darjah keruntuhan moral pada ketika itu berada pada tahap yang sangat tinggi berbanding dengan apa yang berlaku pada hari ini, walaupun keruntuhan yang sama ada pada hari ini kita dapat rasakan.

Dalam masyarakat jahiliah, pembunuhan anak perempuan direstui oleh masyarakat tetapi dalam masyarakat kita, pembunuhan dan pembuangan bayi dianggap jenayah yang layak dihukum. Di dalam masyarakat jahiliah, pelacuran menjadi pekerjaan yang dilindungi oleh undang-undang, sementara dalam masyarakat hari ini pekerjaan tersebut menyalahi undang-undang. Jadi, pelanggaran kod dan etika moral pada zaman jahiliah jauh lebih besar daripada apa yang berlaku pada hari ini.

Nabi Muhammad s.a.w. telah berjaya menyelesaikan masalah keruntuhan moral yang melanda masyarakat pada zaman itu. Formula yang digunakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. ialah mengadakan revolusi mental dan revolusi akidah secara sekaligus beriringan.

Di dalam revolusi mental, manusia dikembalikan kepada nilai-nilai murni kemanusiaan yang menjadi bakat semula jadi seseorang manusia. Apabila manusia kembali menjadi manusia yang mengamalkan nilai-nilai murni kemanusiaan sejagat, maka revolusi mental dianggap telah berjaya.

Di dalam revolusi akidah ataupun pegangan, manusia yang telah kembali kepada kemanusiaan ditundukkan secara rela kepada Tuhan. Ketaatan kepada Tuhan menjadi benteng yang menyelamatkan kemanusiaan yang sudah kembali bersih. Tanpa revolusi akidah, kemanusiaan boleh tercemar pada bila-bila masa sahaja.

Di dalam negara kita yang mengamalkan dasar kebebasan beragama, revolusi mental boleh dilaksanakan secara umum. Tetapi revolusi akidah hanya boleh dilakukan di dalam lingkungan ahli-ahli sesuatu agama itu sahaja.

Dalam soal revolusi akidah, setiap kumpulan di dalam negara ini telah terikat dengan persefahaman yang dinamakan Rukun Negara. Malaysia adalah satu-satunya negara di dalam dunia yang mempunyai Rukun Negara. Rukun Negara telah memberi garis panduan dan dasar yang luhur. Sekiranya dasar-dasar Rukun Negara dilaksanakan sepenuhnya sejak ia dilancarkan, mungkin masalah keruntuhan moral yang kita hadapi hari ini tidak sedemikian buruknya. Rukun Negara yang dilancarkan dengan ghairahnya lama kelamaan istilahnya jarang lagi disebut. Buku Rukun Negara haruslah dibuka kembali. Sistem pendidikan hendaklah berteraskan prinsip Rukun Negara. Kegiatan Rakan Muda hendaklah berteraskan prinsip Rukun Negara, begitu juga di dalam aktiviti-aktiviti masyarakat yang lain.

Di sini saya ingin membuat cadangan kepada pihak kerajaan agar dibuat kajian yang menyeluruh ke atas keberkesanan Rukun Negara sejak ia dilancarkan, iaitu saya ingin menyebut 5 prinsip Rukun Negara:

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Kesetiaan kepada Raja dan Negara
- Kedaulatan Undang-undang
- Keluhuran Perlembagaan
- Kesopanan dan Kesusilaan.

Jika 5 prinsip ini diamalkan, insya-Allah, Malaysia akan sentiasa dalam keadaan kegemilangan.

Satu lagi saya harapkan pertingkatkanlah martabat guru, insya-Allah, akan lahir lah insan madani yang dilaung-laungkan selama ini.

Sekali lagi, saya dengan ini menyokong usul yang dibawa oleh Puan Kamalia dan pohon kemaafan sekiranya terdapat kesilapan yang tidak disengajakan. Sekian.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Haji Hashim Safin.

5.13 ptg.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut membahas usul Terima Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di perasmian Parlimen pada 24hb. yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi kepada beberapa perkara, saya suka mengingati kerana ada beberapa sahabat yang juga menyebut soal kemudahan di tempat Yang di-Pertua itu sendiri kerana ada saya tengok Tan Sri Dato' Haji Mohamed Ya'acob, boss saya dahulu, jadi saya membela beliau sedikit, kalau siapa-siapa bangun dia lupa nama, maklumlah kita pun lupa. Kalau ada satu sistem bila menyala di sini, menyala di sana, keluar nama, lebih senang, tidak rasa segan (embarrass), mari tunjuk - ah, ah [*sambil menunjuk jari*] tidak eloklah. Jadi, barangkali Parlimen boleh ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang saya suka ambil kesempatan untuk sentuh pada kesempatan ini ialah mengenai pilihan raya kecil. Kita baru sahaja menghadiri hari ini, ada yang sempat dan ada yang tidak sempat ke Kuala Selangor.....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta laluan kepada Yang Berhormat walaupun Yang Berhormat baru sahaja memulakan ucapan berkenaan dengan kemudahan. Tetapi apa pandangan Yang Berhormat kepada mikrofon yang berbunyi sekarang ini? Adakah ini juga boleh dianggap sebagai pollution bunyi yang memberi stress kepada pemikiran? Dan adakah Yang Berhormat menegur itu sahaja, tidak menegur dengan keadaan sekarang ini yang saya rasa stress, dengan izin. Terima kasih.

Datuk Haji Hashim bin Safin: So, saya minta Tuan Yang di-Pertua dahulu, selepas dia timbang dengan kitalah. Kita minta Tuan Yang di-Pertua dahulu, selepas itu kita minta, memanglah. Saya setuju dengan Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi jam 9.45 pagi, maka telah menjadi calonlah Yang Berhormat Dato' Abu Hassan bin Haji Omar selaku calon bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri, di Permatang, dan Dato' Jamaludin di Parlimen, Kuala Selangor. Saya sempat hadir bersama dengan kawan. Datuk Haji Ibrahim bin Ali hadir, mendengar taklimat. Apa yang dapat saya lihat bahawa keadaan pilihan raya kecil ini dari segi sudut pembaziran. Memang saya berbangga selaku penyokong kuat UMNO, selaku Ketua UMNO Bahagian, selaku pejuang-pejuang UMNO untuk menentukan kekuatan UMNO. Kita lihat rombongan kita besar. Berita kata 7,000, saya rasa mungkin lebih. Ada yang berterabur, ada yang tidak sempat sampai. Dengan persiapan yang besar, jumlah bendera

yang tak sempat saya bilang, T-shirt bergambar calon, gambar ‘dacing’ dan sebagainya. Tahniah baju merah - cantik, tetapi tengah panas lagi cantik.

PAS pun tidak kurang dengan bendera besar walaupun satu bendera satu orang. Saya dengar pelat bercakap ramai daripada Kelantan, sebab PAS pun sudah ada duit daripada tauke-tauke balak di Kelantan boleh bawa mari ramai penyokong walaupun tak seramai penyokong-penyokong Barisan Nasional ataupun UMNO. Dari segi masa pun jika masa itu kita pergunakan untuk kegiatan lain, kegiatan ekonomi, kegiatan sosial dan sebagainya lebih baik. Dari segi dosa, saya yakin semasa kempen pilihan raya banyak dosa telah dilakukan, fitnah-memfitnah, kata-mengata di antara kedua-dua pihak. Mungkin tiga pihak, tiga penjuru, dan segala yang buruk-buruk pun akan keluar, ataupun yang sengaja diburuk-burukkan akan keluar.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat biasa terlibat dengan dosa-dosa Yang Berhormat sebut itu?

Datuk Haji Hashim bin Safin: Memang saya terlibat, saya baru balik daripada Mekah, rasa suci lagi. Kalau buat dosa pergi Mekah balik. Dosa kecil, yang besar jangan.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini saya hendak mengambil kesempatan untuk memberi saranan sebab apa-apa pun kita yang menentukan, kita yang buat, kita yang boleh ubah. Melalui SPR boleh buat kajian atau cadangan kerajaan ke arah pindaan. Kalau kita pernah pinda soal pilihan raya ini, saya rasa kenapa kita tidak boleh pinda lagi sekali untuk membolehkan kalau berlaku begini, kalau hendak lantik menteri Pusat jadi menteri besarkah, ketua menteri, tidak payah ada pilihan raya. Dari segi logiknya, contohnya khususnya Dato’ Abu Hassan Omar, memang pilihan Perdana Menteri tepat. Semasa pilihan raya pun, hendak jadi menteri dia telah menang Parlimen Kuala Selangor.

Bermakna Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di Permatang itu juga turut mengundi. Bahkan sistem mengundi sekarang kita tahu, setiap peti undi pun kita tahu siapa yang mengundi Barisan Nasional atau calon Parlimen atau calon state. Ini bermakna dia telah dipersetujui oleh pengundi di DUN Permatang itu untuk Dato' Abu Hassan selaku Wakil Rakyat.

Selaku Wakil Rakyat Parlimen, beliau juga telah memberi perkhidmatan kepada DUN-DUN termasuklah DUN Permatang. Jadi, kalau boleh, kita pinda apa cara untuk di masa-masa hadapan, kalau menteri Pusat itu boleh dipilih menjadi wakil rakyat ataupun ketua menteri atau menteri besar di negeri masing-masing. Mungkin ada pertikaian kalau yang menteri Pusat daripada DUN lain. Ini pun saya rasa boleh kita pakai sistem ataupun mengambil kira soal pengundian ini dibuat berdasarkan perwakilan Barisan Nasional itu sendiri. Bermakna sesiapa yang dipilih di mana-mana pun memang sistem Barisan Nasional itu sudah menjalar. Pemilihan kebanyakannya berpunca ataupun disebabkan kekuatan parti. Kekuatan peribadi memang ada sedikit-sebanyak boleh mempengaruhi, tetapi umumnya berdasarkan Barisan Nasional atau kepartian itu sendiri.

Sebab itu saya rasa perkara ini boleh difikir balik untuk kita meminda perkara tadi ke arah menjimatkan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Kalau hendak cerita, panjang, masa amat terhad.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, ada minta lauan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya sahabat saya di sebelah kanan ini dia hendak mencadangkan pemindaan Perlembagaan di negeri dan juga di Persekutuan. Kalau boleh, adakah itu hajat Yang Berhormat ini. Kalau itu hajatnya, kemukakanlah biar kami dengar mengapa sebab-

sebabnya kita patut pinda Perlembagaan itu supaya jangan ada pilihan raya untuk adakan menteri besar dan sebagainya.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, maksud saya untuk menjimatkan banyak perkara dan mengelakkan beberapa perkara. Kalau Yang Berhormat sahabat sebelah kiri berhasrat begitu, saya pun boleh menyokong untuk memudahkan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, secara cepat, saya 'lompat gagal', saya pergi kepada perkara kedua iaitu mengenai gejala sosial. Kita memang ada pakar kajian kementerian, jabatan, berbagai-bagai jabatan dan pelbagai cadangan, setelah menubuh yayasan dan sebagainya, soal gejala sosial memang menjadi perhatian, menjadi tindakan dan telah dilaksanakan dan kesannya masih diperkatakan oleh kita, termasuklah Ahli-ahli Dewan pada hari ini. Saya sendiri berdasarkan pemerhatian saya, Tuan Yang di-Pertua, selaku pemimpin di kawasan ataupun di kampung tentang gejala sosial ini berlaku khususnya kepada masyarakat kampung. Barangkali kita kata kalau masyarakat bandar, masyarakat kota, masyarakat kosmopolitan dengan latar belakang tersendiri terdedah dengan keadaan dan sebagainya, tetapi di kampung itu sendiri mereka ini terdedah, tetapi gejala sosial juga turut berlaku tanpa mengira - di kampung tidak ada disko, di kampung tidak ada karaoke, di kampung tidak ada pun jual arak, terutama di Kelantan tidak ada. Keseluruhan kampung, sebahagian besar kampung saya rasa tidak ada, tetapi perkara gejala sosial ini tetap berlaku dan semakin ketara dari segi peratus dan peningkatan berlaku.

Jadi, berdasarkan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sempat menghadiri beberapa program yang dibuat oleh PIBG dan satu lagi yang dibuat oleh Jabatan Pembangunan Persektuan, iaitu program antaranya yang dinamakan Program Keibubapaan, Program Rumahku Syurgaku dan pelbagai program yang semacam, yang menumpukan soal

pendidikan kepada keluarga itu sendiri, ibu bapa itu sendiri di samping anak. Memang perkara ini saya rasa perlu kita buat kita buat serentak. Proses pendidikan kita memang berterusan dan semakin baik. Saya melihat bahawa pendidikan kita memang menepati kepada matlamat dan jika dipatuhi, jika diikuti, jika dihayati, saya yakin sistem pendidikan kita boleh melahirkan warganegara yang baik, insan yang seimbang, insan yang kamil dan sebagainya.

Misalnya, kalau kita lihat satu ketika dahulu, sistem pendidikan kita barangkali mengetepikan atau tidak mengambil kira soal pendidikan Islam, pelajaran agama Islam tidak dikira sebagai satu subjek yang memberi nilai ekonomi, dapat A-1. Masa saya dahulu, tidak ada kira pun. Sekarang setelah kita mula hendak Islam, pelajaran agama Islam itu diambil kira, adakan pula kelas Fardu Ain dan sebagainya, dan perbezaan murid secara keseluruhan, anak buah kita, rakyat kita jauh bezanya dengan dahulu. Semasa kita dahulu, Tuan Yang di-Pertua pun ingat barangkali, murid-murid sekolah pergi sekolah tidak ada tudung, pakai mini skirt ataupun 'mini sekerat', singkat dan sebagainya. Kalau di majlis ada minum, ada tari menari. Saya ingat, tidak mahu sebutlah, di satu sekolah menteri pergi menari. Menteri Pendidikan, di satu majlis perasmian sekolah telah.....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Di mana? Tuan Yang di-Pertua, saya tengah menulis hendak berucap ini, jadi dia sentuh-sentuh saya, jadi saya pun hendak tanya di mana benda ini berlaku? Ada menteri datang, adakah Yang Berhormat terlibat samakah. Kalau Yang Berhormat nampak menteri itu menari, mengapa tidak tegur, sebab itu satu kesalahan dia patut sama menegur. Kalau tidak, dia pun bersama juga.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, ya, tetapi tidak boleh sebut namalah. Kalau sebut nama jadi mengumpat, saya tidak hendak cari dosa. Tetapi kalau sebut cerita, tidak jadi mengumpat, cuma untuk teladan. Memang saya melihat, semasa

itu saya murid sekolah. Di sekolah saya menteri pergi, bawa usung gambus besar-besar, malam ada majlis dan menari bersama-sama dengan cikgu-cikgu. Dahulu memang lumrah, biasa. Sebab itu apabila saya besar, saya pergi sampai universiti, saya bersama dengan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim melalui Persatuan Islam Universiti Malaya. Antara perkara yang kita tentang ialah unsur-unsur ini. Alhamdulillah, selepas itu kesan penerapan nilai-nilai Islam yang telah ditaja, terutamanya oleh gerakan pelajar-pelajar di bawah pimpinan Dato' Seri Anwar pada masa itu, kita lihat ada kesan, dan semakin berkesan melalui sistem pendidikan pada hari ini. Jadi, insya-Allah, siapa jadi menteri selepas ini pun tidak ada chance lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya maksud berdasarkan penelitian saya ada percanggahan di antara apa yang diberitahu dari segi dasar, dari segi pelaksanaan, penilaian kepada apa yang kita hendak terapkan kepada murid-murid kita dengan amalan, perlakuan, sikap keluarga itu tersendiri. Saya beri contoh, ustaz mengajar anak supaya sembahyang, ajar cara sembahyang di sekolah dia sembahyang. Tetapi balik ke rumah bapa tidak sembahyang Maghrib, ataupun bapa asyik dengan main dam ataupun main haji. Tak payah naik umrah, dia buat haji terus. Dua-tiga kali haji. Petang-petang tidak ada kerja lain. Pagi main haji, tengah hari main haji, malam main haji. Isteri suruh beli beras, ikan, dia bawa balik ikan kepala buruk dan sebagainya. Percanggahan berlaku. Ustaz beritahu anak supaya berpuasa, tetapi keluarga di rumah tidak berpuasa. Ustaz ataupun guru mendidik anak supaya berkelakuan baik, tingkah laku lemah-lembut, menghormati orang tua. Tetapi di rumah ibu bapa tidak menghormati orang tua, berkelahi suami-isteri. Ini contoh-contoh yang kecil, tetapi gambaran kepada sistem pertembungan nilai, anak di bangku sekolah dengan sistem nilai ataupun subculture, dengan izin, kepada keluarga itu sendiri yang menyebabkan anak kebingungan.

Sebab, saya yakin dan percaya kalau keluarga itu baik, tentu anaknya baik dan kalau keluarga itu tidak baik, keluarga itu huyung-hayang, keluarga itu tidak ketentuan, keluarga itu tidak meminati Islam, keluarga itu tidak meminati kebaikan akhirnya

anaknya besar kemungkinan akan terdedah kepada gejala-gejala sosial. Maka antara program yang dibuat mengikut kajian yang teliti oleh pegawai-pegawai, profesor, PhD dan sebagainya, saya rasa patut masuk penumpuan kita kepada kekeluargaan.

Bagaimana kita memastikan keluarga itu sendiri, biar dia bertanggungjawab, biar dia merubah, kalau kita hendak betuk balik keluarga itu, biarlah sudah jadi buluh, sepatutnya kita bentuk daripada rebung, tetapi biarlah jadi buluh terpaksa bakar - bakarlah buluh ini masih boleh dibentuk. Masuklah apa cara, masuklah kimia apa pun untuk membentuk keluarga ini kembali kepada jalan sebenar. Sebab, ringkasnya kalaulah keluarga itu memilih membuat kerja-kerja kebaikan dan menentang kemungkaran, dengan mudah dapat kita atasi gejala sosial tetapi yang menjadi masalah gejala sosial ini bermula daripada persekitaran keluarga itu sendiri yang tidak mencegah kemungkaran dan tidak mengamalkan kebaikan dan tidak mencegah juga kemungkaran bahkan kemungkaran sentiasa berlegar di dalam keluarga ataupun di sekitar tempat itu.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, masa tinggal dua minit sahaja lagi.

Datuk Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya ada tiga perkara lagi, mungkin satu sahaja lagi - tidak apa, saya akan patuh, sila beritahu, 0.5 saat sebelum habis beritahu saya akan berhenti!

Tuan Hanipah bin Ahmad: Baik.

Datuk Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga soal rasuah pun saya ada sedikit kelainan soal rasuah ini, banyak kita telah bercakap dan kita telah tubuh dahulu Badan Pencegah Rasuah (BPR), badan anti rasuah dan sebagainya, pelaksanaan, penangkapan, pendakwaan, cegah, tangkap, dakwa, tindakan semua telah dibuat dan kita bercakap dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat telah bercakap soal polis atau kastam, RM20, RM30 atau RM2, RM3, sampai ada cerita polis dahululah, dia sarjan, dia buat

road block, bila dihulur RM2, dia kata: “Sarjan RM2 jugakah?” Sepatutnya sarjan itu RM3. Itu cerita gimik semata tetapi yang pasti memang rasuah berlaku daripada sekecil-kecil sampai sebesar-besar sampai setinggi-tinggi, tetapi kadang-kadang yang tinggi ini tinggilah.

Tuan Yang di-Pertua, semasa saya di Mekah ada istilah ‘hadiah, sedekah dan sabil’. Sabil dia tabur rotikah, nasi minyakkah tetapi kalau dia rasa dia ada kedudukan, kita kata ‘sabil’ dia tak hendak ambil. Sebab ‘sabil’ itu untuk mereka yang miskin, yang fakir dia bawa. Hadiah siapa pun boleh terima, mungkin di Mekah itu dia sudah kaya, ada kedudukan, kereta pun besar, rumah pun sudah besar, isteri pun sudah besar, boleh terima hadiah. Dan sedekah ada juga tahap-tahap sedekah.

Jadi, kembali kepada kita di Malaysia, kadang-kadang kita melihat, saya rasa kadang-kadang bila beberapa kawan menyebut pegawai-pegawai kerajaan, yalah yang salah - salahlah. Tetapi, kalau umum sangat kadang-kadang kasihan juga, kalau kita menyentuh secara umum, tentang pegawai-pegawai kerajaan, tetapi ada juga, kadang-kadang kita kena nilai melihat, kawan-kawan kita pegawai-pegawai kerajaan, kita pernah berkawan, kita pernah bekerja sebagai pegawai kerajaan, sekarang pun masih berkawan dengan pegawai-pegawai kerajaan, mereka juga memahami, mereka juga dapat melihat, can be seen, dengan izin, perkara-perkara ini berlaku tetapi bila sampai ke proof, bukti, ialah.

Jadi, dalam soal ini saya hendak membandingkan kepada misalnya pemimpin-pemimpin tinggi yang macam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata dikehendaki bersih dan kelihatan bersih untuk tidak menyebabkan anak buah di bawah termasuklah pegawai kerajaan merasa bahawa mereka sahaja diminta bersih dan kelihatan bersih sedangkan di atas dikatakan bersih tetapi kelihatan tidak bersih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Datuk Hashim bin Safin: Berapa minit lagi?

Tuan Hanipah bin Ahmad: Sudah habis! *[Ketawa]*

Datuk Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja lagi, ‘bersih’ sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, cubalah kerajaan fikir untuk pemimpin-pemimpin atasan supaya dilihat bersih. Janganlah kalau rumah itu terlampau besar sampai kalau tengok nilai rumahnya misalnya, RM2 juta, RM3 juta, siapa yang tidak tahu? Dan melahirkan keadaan yang susah. Jadi, sama-samalah kita fikirlah. Masa pun suntuk sangat, mungkin kita gunakan platform yang lainlah, Tuan Yang di-Pertua, untuk membincangkannya. Tetapi untuk rekod dan rakamkan rasa terkilan kita kepada perkara ini dan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Usul Menjunjung Kasih kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Upacara Perasmian Dewan kita pada 24hb. Mac yang lalu. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Charern Intachat.

5.36 ptg.

Tuan Charern Intachat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya untuk berucap dan menyokong Usul Ucapan Terima Kasih dan membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesembilan.

Kita bersyukur di atas keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan yang dinikmati oleh rakyat Malaysia pada ketika ini, kita juga bernasib baik negara kita tidak ditimpa oleh bencana alam seperti yang dialami oleh negara-negara lain. Kerajaan kita cekap dan

adil dan kita dipimpin oleh seorang Perdana Menteri yang berwawasan, dihormati dan disanjung oleh semua rakyat.

Di dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda, Baginda telah menyentuh tentang pelbagai program dan rancangan yang sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan. Program-program dan rancangan ini nescaya akan mendatangkan manfaat kepada rakyat dan negara dan setiap rakyat mestilah menyokong dan membantu kerajaan supaya ianya dapat dilaksanakan dengan jayanya. Di dalam ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini, kita telah mendengar pelbagai perkara yang telah dibangkit dan telah dicadangkan atau diperbahaskan.

Saya cuma ingin menyentuh dua perkara sahaja yang berkaitan dengan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda berkenaan dengan dua masalah utama yang dihadapi oleh negara iaitu penyalahgunaan dadah dan pendatang asing.

Masalah Penyalahgunaan Dadah:

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat tentu bersetuju bahawa rancangan dan tindakan kerajaan dalam usaha membanteras kegiatan penyalahgunaan dadah setakat ini kurang berkesan malahan boleh dikatakan gagal. Baru-baru ini sahaja, kita telah membaca dalam akhbar-akhbar tempatan bahawa bilangan penagih dadah kian bertambah dan penyalahgunaan dadah telah pun merebak hingga ke sekolah.

Ini jelas sekali bahawa dadah masih diseludup ke negara kita. Rakyat kita masih terlibat dengan kegiatan penyalahgunaan dadah dan pelbagai tindakan yang telah diambil tidak berkesan. Dalam keadaan seperti ini, kerajaan perlulah mengambil tindakan yang lebih berkesan, kerajaan perlu mengkaji semula strategi dan tindakan yang telah dilaksanakan dan langkah baru perlu diambil untuk mengatasi masalah ini.

Sekiranya kita dapat membanteras penyeludupan dadah, maka kegiatan penyalahgunaan dadah tidak akan berlaku di negara kita dan penagih-penagih dadah akan terpaksa memberhentikan tabiat mereka. Justeru itu negara kita akan bersih dan bebas dari masalah ini.

Saya sedar bahawa mencegah dan membanteras penyeludupan dadah ini bukanlah perkara yang mudah tetapi saya yakin jika ada usaha yang serius, tindakan diambil dengan bersungguh-sungguh, maka kita akan berjaya.

Saya berpendapat serta ingin mengutarakan langkah yang boleh diambil oleh kerajaan iaitu:-

- (i) langkah pencegahan yang berkesan di sempadan, di pintu-pintu masuk ke negara dan di laut;
- (ii) usaha memberhentikan pengeluaran dadah di kawasan Segi Tiga Emas (The Golden Triangle), dengan izin.

Mengenai langkah-langkah pencegahan, kerajaan hendaklah menghantar pegawai-pegawai yang terlatih dan bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas-tugas pencegahan ini.

Kemungkinan dadah yang masuk ke negara kita sekarang ini dibawa masuk di bawah batang hidung pegawai-pegawai kita sendiri. Jabatan-jabatan yang berkenaan hendaklah memilih pegawai-pegawai yang berkebolehan untuk mengganti pegawai-pegawai yang tidak berminat dengan tugas-tugas ini. Kerajaan atau pihak BPR hendaklah sentiasa menyiasat sama ada kegiatan rasuah berlaku di tempat-tempat pemeriksaan, di pintu-pintu masuk ke negara. Kerajaan hendaklah memastikan kenderaan, bot-bot dan alat-alat mencukupi untuk pegawai-pegawai kita melaksanakan tugas-tugas pencegahan dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, saya ingin menyentuh tentang peranan Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) di bawah Kementerian Dalam Negeri. Saya berpendapat Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) ini tidak berapa berkesan dalam usaha menangkap penyeludup dadah atau memperolehi kes dadah di sempadan.

Saya minta pihak kementerian memberi perangkaan tentang kes-kes dadah yang diperolehi oleh UPP dalam tiga tahun kebelakangan ini. Saya percaya angka ini boleh membuktikan apa yang saya maksudkan. Saya berpendapat adalah lebih berkesan jika tugas ini diserahkan kembali kepada pihak Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja dengan bilangan pegawai-pegawai yang cekap dan terlatih ditambahkan. Berkenaan dengan pencegahan melalui jalan laut, satu tindakan bersepadu hendaklah diambil dengan menubuh pasukan petugas khas yang dianggotai oleh Tentera Laut, Jabatan Laut, Marine Police, Kastam dan Jabatan Perikanan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku sekarang, jabatan-jabatan yang saya sebutkan tadi mengambil langkah dan tindakan sendiri dan tidak ada coordinated effort, dengan izin. Maka perondaan-perondaan yang dilakukan tidak berkesan dan berhasil dengan tangkapan kes-kes penyeludupan dadah.

Sekiranya ada tindakan bersepadu, perondaan-perondaan laut yang berkesan boleh dilakukan. Bot-bot peronda jabatan-jabatan ini boleh saling berganti untuk membuat perondaan dan pemeriksaan di perairan yang luas. Langkah ini bukan sahaja boleh mencegah penyeludupan dadah dan barang-barang lain tetapi boleh juga mencegah kemasukan pendatang asing yang masuk melalui jalan laut secara haram.

Mengenai pengeluaran dadah di kawasan Segi Tiga Emas pula, kita semua termaklum bahawa dadah yang diseludup ke negara kita, boleh dikatakan semuanya berasal dari kawasan Segi Tiga Emas (The Golden Triangle), dengan izin. Maka sudahlah tiba masanya untuk kita mengambil sesuatu langkah yang boleh

memberhentikan pengeluaran dadah seperti candu, morphine dan heroin yang merupakan hasil dari pokok-pokok popi yang ditanam di kawasan Segi Tiga Emas ini. Kawasan ini tidak dapat dikawal oleh negara-negara yang berkenaan iaitu Burma, Thailand, Laos dan China.

Oleh yang demikian, kita perlulah bercadang kepada Bangsa-Bangsa Bersatu dan juga ASEAN untuk mendapatkan persetujuan mengawal kawasan ini bersama-sama dengan negara-negara lain supaya pokok-pokok popi di kawasan ini dimusnah sama sekali dan diganti dengan tanaman-tanaman lain. Penduduk-penduduk ini hendaklah diberi bantuan untuk menanam tanaman-tanaman yang boleh mendatangkan hasil sebagai gantian kepada tanaman popi yang dimusnahkan, dengan jalan ini kita boleh mengurangkan kemasukan dadah ke negara kita.

Usaha-usaha untuk menangkap dan memulihkan penagih-penagih dadah oleh pihak polis seperti sekarang ini perlu diteruskan juga, dengan harapan sekiranya dadah tidak dapat masuk ke negara ini, maka penagih-penagih ini terpaksa memberhentikan kegiatan dan ketagihan menghisap dan menggunakan dadah.

Mengenai masalah pendatang asing, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat di dalam beberapa tahun yang akan datang kita masih lagi memerlukan pekerja-pekerja asing. Oleh yang demikian, kerajaan perlulah mengambil langkah untuk berbincang atau negotiate, dengan izin, dengan negara-negara yang berkenaan supaya pekerja-pekerja asing ini boleh dibawa masuk dengan mudah dan teratur dan tidak membebankan semua pihak dengan perbelanjaan yang tinggi. Kalaulah pekerja-pekerja asing ini boleh dibawa masuk dengan kerjasama dan kebenaran oleh kerajaan pekerja-pekerja asing ini sendiri, maka tidak ada sebabnya mereka ini hendak masuk secara haram dan mengalami berbagai risiko. Bagi kerajaan kita pula sekiranya mereka ini datang secara baik iaitu dengan

dokumen-dokumen perjalanan yang sah, maka banyak masalah yang boleh diatasi. Pelbagai kawalan kerajaan boleh dilakukan ke atas pendatang asing yang dibawa masuk secara baik dan sah.

Berkenaan dengan kemasukan pendatang asing secara haram, tindakan pencegahan iaitu melalui perondaan laut dan darat seperti yang dicadangkan untuk mencegah penyeludupan dadah hendaklah diambil. Saya percaya tindakan menangkap rakyat asing yang diseludup tidaklah susah, melainkan pegawai-pegawai yang bertugas menutup sebelah mata.

Sekian sahaja perkara-perkara yang saya hendak bangkitkan dan saya menyokong Usul Ucapan Terima Kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.

5.40 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu ramai sahabat yang hendak berucap lagi, saya dalam keadaan serba salah, sebab ucapan saya ini lebih kurang 3 jam. Jadi, isu-isu pun banyak, begitu juga sahabat yang bercakap sampai 2 jam lebih, oleh itu saya tidak tahu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cakap cara mana hendak cepatkah, kerana cara saya bercakap memang lambat, sebab saya ini orang lama. Tambahan pula....

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, saya serahkan kepada Yang Berhormat untuk menghabiskan dalam masa 15 minit.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: 15 minit, Tuan Yang di-Pertua?
Tidak apa, 15 minit - 15 minitlah, sebab hari ini pun saya susah hendak bercakap kerana gusi saya bengkak sedikit. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang bersama-sama rakan yang lain. Walaupun pendek masanya untuk membahaskan Ucapan Terima Kasih ke atas Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah bertitah di Dewan Rakyat pada 24hb. Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, kita patut bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya juga kita telah dapat mengecapi nikmat keamanan dan pembangunan di negara kita yang kita amat cintai ini. Di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang kita kasihi dan Timbalannya Dato' Seri Anwar bin Ibrahim yang kita kasihi juga, pelbagai usaha telah dijalankan demi memajukan negara. Alhamdulillah syukur, banyak kemajuan yang telah kita capai dan boleh kita banggakan.

Sekarang ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah pun berlepas untuk bercuti selama 2 bulan dan beliau pun telah berkata, sudah sampai masanya beliau bercuti sebab memikirkan keadaan negara sekarang ini adalah ekonomi dan politiknya amat stabil. Jadi, marilah kita bersama-sama berdoa ke hadrat Allah S.W.T bahawa beliau akan betul-betul dapat bercuti rehat selama 2 bulan dan kita di Malaysia ini tidak akan membawa sesuatu perkara yang menyusahkan hati beliau selama beliau berada di luar negara. Begitu juga marilah kita bersama-sama mendoakan dan memberi kerjasama kepada Pemangku Perdana Menteri kita iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua, di petang yang berbahagia ini dan juga bak kata orang ‘muncih-muncih’ sahaja yang tinggal untuk hendak berucap. Jadi, saya tidak hendak menekankan banyak perkara-perkara sepertimana yang saya fikirkan patut saya tekankan, hanya saya hendak menekankan perkara-perkara yang patut ditekankan oleh kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada catitkan hanya nota-nota yang saya bangkitkan dalam soalan tambahan. Saya hendak pergi ke situ dahulu, kemungkinan saya tidak ada masa nanti, oleh kerana perkara-perkara ini adalah penting.

Yang pertama sekali saya hendak sentuh berkenaan dengan telefon bimbit yang digunakan oleh pengguna-pengguna dalam motokar. Saya merasa kecewa sepertimana saya katakan pada hari semalam iaitu undang-undang yang kita buat ini adakah ia memberi manfaat kepada kita atau tidak. Saya telah pun menyoal kerajaan adakah satu asas ataupun kajian dibuat sebelum undang-undang itu dibawa dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Jawapan kerajaan ‘tidak’, ia tidak ada satu kajian. Jikalau kita menggunakan telefon bimbit, adakah ia mengakibatkan kemalangan? Tidak ada. Kita tahu sekarang ini - misalannya tadi saya hendak ke Parlimen, saya tengok ramai, ada tiga orang yang menggunakan telefon bimbit, tidak ada apa yang berlaku, tidak ada polis yang hendak menahan. Jadi, bermakna sebelum dia ditangkap, betullah tidak ada kesalahan. Walau bagaimanapun, apa faedahnya kita mengadakan undang-undang seperti itu dan saya mencadangkan patutlah dikaji semula.

Yang kedua, lampu isyarat. Sepertimana yang dibawa oleh sahabat saya tadi, saya hendak menekankan sedikit mengenai lampu isyarat ini. Di Kuala Lumpur ini khasnya apabila berlaku ribut, petir, halilintar - Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu tidak ada di sini - tidak apalah, tidak payah saya memberi penerangan yang lanjut

berkenaan maknanya. Kadang-kadang lampu-lampu isyarat ini terganggu. Satu contoh, di Jalan Bangsar pada satu petang saya balik, motokar saya adalah yang nombor tiga dalam queue, apabila dua kereta pergi, kereta saya pun masuk dan lampu trafik pun merah. Biasanya lampu isyarat tidak macam itu, hijaunya lama sedikit, tetapi sekarang ini, apabila sahaja merah - click kamera pun menangkap. Jadi, saya pun menunggu notis ataupun saman daripada pihak trafik, kalau perkara itu betul-betul berlaku 'tidak pasal' orang kata saya kena bayar RM100 atau RM300. Jadi, dalam keadaan ini banyak pengguna atau pemandu yang terpaksa membayar saman kerana tidak mahu pergi ke mahkamah, membuang masa, mengambil peguam dan sebagainya, menunggu setahun, dua tahun baru selesai. Oleh itu, masalah trafik ini banyak dan pengguna atau pemandu terpaksa membayar duit, yang kalau kita tengok sebenarnya kesalahan itu tidaklah serius sangat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi, kita akan mengadakan Sukan Komanwel (SUKOM) di Malaysia ini pada tahun 1998. Dalam SUKOM ini sudah tentu melibatkan pekerja-pekerja, kebanyakan adalah terdiri daripada remaja, belia dan beliawanis dan saya harap kerajaan akan berwaspada sebabnya keadaan moral nanti akan terjejas jikalau kita tidak mengambil perhatian yang berat terhadap beribu-ribu orang yang ada bekerjasama untuk kerja-kerja sukarelawan daripada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang saya hendak bawa ialah berkenaan dengan pendatang-pendatang dari Benua Sahara. Saya tidak menyebut negara ini secara tepat, tetapi kita dapati terlalu ramai orang-orang yang datang dari Benua Padang Sahara yang khususnya berada di Jalan-jalan Chow Kit, yang bekerja menjual dan setengahnya itu membeli beg yang dibuat di Malaysia, diambilnya dan ditanggalkan tanda itu, kemudian dibubuh tanda diperbuat daripada negara asalnya.

Saya tidak tahu mengapa begitu ramai yang datang sekarang ini, adakah mereka ini datang untuk bekerja, adakah mereka ini datang sebagai penuntut, ini yang saya hendak tahu daripada kerajaan, jikalau boleh memberi jawapan, adakah mereka ini datang untuk membuat perkara-perkara yang kita tidak hendak berlaku misalnya dari segi telefon, dari segi penyelewengan, penipuan dan sebagainya. Bukan maknanya kita tidak boleh layan pendatang-pendatang dari luar negara datang ke sini, tetapi kalau mereka datang secara aman, secara betul-betul untuk menengok negara ini untuk melancong dan sebagainya kita mengucapkan 'Selamat Datang' kepada mereka. Tetapi kalau sebaliknya kita mesti berhati-hati.

Begitu juga seperti yang disebutkan oleh rakan-rakan saya sekarang ini, beribu-ribu sedang menunggu di border, dengan izin, negeri Thailand dan Malaysia, menunggu untuk menanti masa sahaja untuk hendak masuk ke negara kita, dapat peluang sahaja mereka akan masuk. Adakah tentera, polis dan imigrasi kita cukup untuk menjaga dan juga di tempat-tempat di pantai-pantai yang selalu mereka ini datang tidak cukup penyeliaan dilakukan. Jadi, ini berlaku macam kita konfrantasi dahulu ataupun masa 'the Boat People', dengan izin, pendatang-pendatang dari Vietnam. Kita tahu di mana mereka akan sampai, bot-bot mereka akan sampai di pantai mana, tetapi sekarang ini saya nampak dan saya terbaca, yang sampai ini dapat masuk ke dalam. Oleh itu, sekatan, penyeliaan dan jagaan serta polisi kita tidak begitu berkesan. Jadi, saya berharap kerajaan akan mengambil berat berkenaan dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan lagi satu perkara yang membabitkan seperti yang saya katakan tadi iaitu pendatang asing ini. Akhir-akhir ini kita tengok banyak betul kebanjiran pendatang asing ke negara kita menyusahkan rakyat kita. Baru-baru ini kita dengar warga kota digemparkan dengan kes rogol yang bersiri, kita tidak

tahu berapa lagi kes rogol yang bersiri yang akan berlaku - seramai 21 orang telah pun dirogol, minta maaf saya pun terpaksa membawa perkara ini, sebab perkara ini amat membimbangkan dan menakutkan penduduk sekitar wilayah ini, dalam masa yang singkat 21 kes rogol telah berlaku. Warga kota terutamanya wanita berada dalam ketakutan untuk beberapa bulan. Alhamdulillah, perogol tersebut telah pun ditangkap dan penjenayah ini merupakan seorang pendatang asing dari negara jiran. Ini adalah salah satu kes yang membabitkan pendatang asing. Kita sedar sedikit masa dahulu sering terdapat pergeseran antara rakyat tempatan dan pekerja-pekerja asing. Mereka bukan sahaja bergaduh dengan rakyat tempatan, mengganggu wanita-wanita kita serta melakukan pelbagai kegiatan jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan begitu banyak masalah sosial yang ditimbulkan oleh pendatang-pendatang asing ini, sudah tiba masanya kita mengkaji kemasukan mereka ke negara kita ini. Kita maklum para pekerja ini memberi sumbangan kepada industri-industri seperti industri perkilangan, namun kehadiran mereka sedikit sebanyak menutup peluang pekerjaan rakyat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan..... saya kena cepat sedikit, nanti masa sudah cukup, saya terperangkap di tengah-tengah.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan para pekerja di sektor perkilangan harus menjadi isyarat kepada kita bahawa kita perlu lebih banyak lagi teknologi robotik menggunakan robot di kilang-kilang kita. Keuntungan yang kita perolehi dari tenaga buruh yang murah ini tidak memadai dengan bahana masalah sosial serta jenayah yang ditimbulkan oleh mereka. Ini tidak termasuk kos penghantaran pulang pendatang-pendatang tanpa izin,

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak langkau lagi, yang ini tidak payah saya sebut. Saya hendak sebut berkenaan banjir di Kuala Lumpur. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, di Kuala Lumpur ini apabila hujan turun pasti banjir kilat akan melanda bandar ini. Kalau petang ini hujan lebat, saya hendak balik ke tempat saya sudah tentu kereta saya sudah tempuh satu kaki air. Faktor ini terjadi kerana banyak projek pembangunan seperti LRT, monorel tanpa menitikberatkan sistem pengairan. Kita harus memberi perhatian kepada masalah ini yang semakin menjadi-jadi akhir-akhir ini.

Tuan Yang di-Pertua, kelemahan sistem aliran yang baik boleh mendatangkan bahaya terutama kepada mereka yang tinggal di kawasan berbukit-bukit.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat, terima kasih, masa sudah cukup.

Dato' Haji Mohd Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf telefon saya pun berbunyi. *[sambil mengeluarkan telefon bimbit dari kocek seluar][Ketawa]* Saya sudah bubuh dalam telefon saya tadi “berbunyilah kamu apabila sampai masanya saya patut berhenti”. Jadi dia berbunyi, Tuan Yang di-Pertua pun berbunyi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, inilah masalah kita ini, masalah Dewan Negara ini. Setengahnya dapat panjang sangat, setengahnya dapat sedikit sangat. *[Ketawa]* Saya tidak sampai sepuluh minit, Tuan Yang di-Pertua sudah sebut dah. Tengok ini *[sambil menunjukkan nota ucapannya]* berapa lampai ini, ini semua penting patut saya hendak ucapkan, tengok! Ini semua belum lagi diucapkan oleh sahabat-sahabat saya, tengok! Ha, ini lagi ha, ini! Banyak ini, Tuan Yang di-Pertua tetapi apa boleh buat, saya ini seorang yang patuh kepada undang-undang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan tidak melengahkan masa....., lain kali saya harap Tuan Yang di-Pertua beritahu berapa orang hendak berucap, tanya berapa lama

hendak berucap kemudian tahu bagaimana hendak mengadilkan masa supaya saya dapat setengah jam sekurang-kurangnya cukuplah. Ini tidak adil, semua ini tentu setuju kalau saya tanya mereka tentu mereka setuju bahawa tidak ada keadilan dari segi masa untuk Ahli Dewan Negara bercakap. Kalau tidak saya cadangkan supaya kita sambung sampai pukul 11.00 malam ini. Tidak tahu, sebab tidak ada usul sebab menteri kita tidak ada di sini, Setiausaha Parlimen sahaja yang ada. Bolehkah kita buat usul Tuan Yang di-Pertua untuk hendak sambung sampai pukul 11.00 malam?

Tuan Hanipah bin Ahmad: Saya agak usul itu tidak boleh diperbincangkan.

Dato' Haji Mohd Zuki bin Kamaluddin: Tidak payah bincang Tuan Yang di-Pertua, kita buat usul sahaja, tidak payah bincang. *[Ketawa]*

Tuan Hanipah bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd Zuki bin Kamaluddin: Baik Tuan Yang di-Pertua, saya ucap ribuan terima kasih kerana memberi peluang saya untuk bercakap. Sekianlah ucapan saya walaupun panjang lagi saya hendak bercakap. Setakat itu sahaja yang dibenar oleh Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Yang Berhormat Tuan Tan Son Lee.

6.03 ptg.

Tuan Tan Son Lee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Junjung Titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang sedia maklum, di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri negara kita telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat dan amat membanggakan. Tuan Yang di-Pertua, sementara itu juga kepesatan pertumbuhan ekonomi juga menyebabkan tekanan

terhadap harga barangan berusaha untuk memastikan kadar inflasi kekal rendah merupakan tanggungjawab yang amat berat kepada kerajaan. Rakyat jelata perlulah bekerjasama dengan kerajaan dalam mengenali masalah kenaikan harga barangan dengan mengamalkan cara hidup yang jimat cermat, mengelakkan perbelanjaan yang berlebihan dan besar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kerajaan adalah perlu meningkatkan usaha dalam program menstabilkan harga termasuklah barangan perlu. Walaupun sudah banyak langkah diambil untuk menangani masalah tersebut tetapi kenyataan menaikkan harga barangan secara haram masih lagi berlaku.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menangani masalah kenaikan harga saya cadangkan supaya pihak kerajaan mengkaji semula tarif cukai jalan yang sedia ada. Ini disebabkan pada masa kini terdapat banyak tol kutipan bayaran di lebu-lebu raya seluruh negara walaupun langkah ini perlu supaya menampung perbelanjaan lebu-lebu raya tersebut, tetapi memandangkan pihak kerajaan sudah mengutip cukai jalan untuk meringankan beban rakyat amnya dan menstabilkan harga barangan. Maka, adalah perlu pihak kerajaan melakukan kajian terhadap cadangan saya tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini negara kita sedang menghadapi masalah penyalahgunaan dadah dan kebanjiran pendatang asing. Kedua-dua masalah ini merupakan masalah yang utama melainkan masalah-masalah masyarakat yang lain. Walaupun negara kita merupakan satu daripada negara yang menjatuhkan hukuman berat iaitu hukuman gantung sampai mati terhadap pengedar-pengedar dadah, tetapi nampaknya masih lagi ada yang tidak berganjak walaupun kenyataan mereka mungkin akan menghadap dengan maut. Saya yakin bahawa sementara meneruskan hukuman

berat terhadap mereka yang terlibat dengan kegiatan mengedar dadah, pihak kerajaan dan orang ramai mestilah bekerjasama untuk membanteras dadah. Untuk mencapai kerjasama tersebut yang berkesan pendidikan adalah satu pendekatan yang amat penting untuk mendidik orang ramai menjauhi diri dari dadah.

Tuan Yang di-Pertua, pendatang asing yang kian ramai bukan sahaja membawa masalah dari segi sosial, bahkan membawa kesan yang buruk dari segi kesihatan, pendidikan dan sebagainya. Kerajaan mestilah mengambil tindakan yang lebih berkesan supaya kemasukan pendatang asing ke negara kita ini diperketatkan. Jangan sampai keselamatan negara, ketenteraman awam dan keharmonian diancam, barulah kita sedar keburukan itu.

Dengan ini saya memohon menyokong usul menjunjung kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Chet Singh.

6.08 ptg.

Dato' Chet Singh s/o Karam Singh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sokong usul ini dan bercakap dalam dua perkara yang spesifik.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan bukan hanya tentang pembinaan. Ianya lebih daripada itu. Ia termasuk pembangunan dan kemajuan dari segi keadilan sosial, sayangi masyarakat, pelihara dan lindungi alam sekitar. Dari segi keadilan sosial, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang kanak-kanak yang kurang bernasib baik dan ingin bertanya apa kemajuan yang dicapai semenjak menandatangani, dengan izin, World Declaration On The Survival, Protection and Development of Children.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menjadi perhatian saya ialah kanak-kanak yang kurang bernasib baik di Malaysia, mereka adalah yang hidup dalam kemiskinan dan

jarang mendapat bantuan, mereka yang cacat, yang disiksa, yang ditinggalkan dan yang melanggar undang-undang. Kanak-kanak ini yang memerlukan perhatian segera untuk diberi kasih sayang dan perlindungan. Masalah berhubung dengan kanak-kanak ini terus bertambah dan kerajaan melalui kementerian yang berkenaan perlu menghadapinya dengan segera dan berkesan. Komitmen yang teguh amat diperlukan untuk memperbaiki kebijakan kanak-kanak ini. Ringkasnya, kita perlukan tindakan. Untuk tindakan yang berkesan mestilah ada usaha yang bersepadu iaitu, dengan izin, a collective effort within a holy stick framework. Dalam hal ini NGOs, pekerja sosial dan sukarelawan boleh membantu secara positif. Kumpulan ini harus diberi peranan yang lebih bermakna dalam merangka dan melaksanakan sebarang rancangan ke arah ini. Semua pihak haruslah bekerjasama untuk memperbaiki hidup kanak-kanak ini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, let us translate all statements of noble intention into appropriate action programmes with educate fundings.

Perkara yang kedua yang saya hendak cakap, Tuan Yang di-Pertua, adalah aspek yang saya alami iaitu kerosakan alam sekitar atas nama pembangunan dan didorong oleh sikap tamat. Masa telah tiba untuk kita semua memberi lebih perhatian kepada alam sekitar kita. Tidak ada gunanya kita bercakap tentang pemeliharaan alam sekitar dan pembangunan berkekalan tetapi jika di depan mata kita bukit dihiris, hutan hancur kerana pembalakan dan pulau indah rosak kerana pembangunan. Kita mestilah tunjukkan komitmen dengan menguatkuasakan undang-undang dan peraturan dan menolak rancangan yang mengeksploit alam sekitar kita. Untuk diri kita dan generasi masa hadapan, kita tidak boleh bertolak ansur dalam hal ini. Oleh itu, rakyat Malaysia mestilah mengambil berat tentang alam sekitar kita dan bersedia untuk bersuara dan membantah jika diperlukan, sekiranya alam sekitar kita dibahayakan.

Kerajaan Persekutuan dan negeri dan pihak berkuasa tempatan mestilah berperanan lebih berkesan dengan mengkaji perancangan pembangunan dengan lebih teliti. Rancangan pembangunan yang menjejaskan alam sekitar haruslah diberitahu kepada pihak umum, pendapat dan ulasan mengenainya diperolehi. Pembangunan

kawasan bukit mesti dikaji dengan rapi dan nasihat pakar hendaklah didapatkan. Kita tidak perlu merasa malu untuk mendapatkan pendapat dari pakar kedua dan ketiga, jika diperlukan. Biarlah kita merendah diri dan bukan angkuh dalam menghadapi isu alam sekitar. Dalam konteks ini ada tiga cadangan projek pembangunan bukit yang perlu diberi perhatian iaitu pembangunan Bukit Bendera, Pulau Pinang, Bukit Larut, Perak, dan cadangan lebuhraya menghubungkan Cameron Highlands, Bukit Fraser dan Genting Highlands. Kita janganlah teroka kawasan yang boleh menjejaskan bekalan air, dengan izin, bio-diversity, cuaca, hakisan tanah dan banjir. Apa yang suka dicadangkan ialah marilah kita bersama-sama, adopt, dengan izin, bukit dan tanah tinggi ke arah pemeliharaan alam sekitar kita.

Dalam hal ini, kita hendaklah menerima pembangunan yang boleh melindungi alam sekitar tetapi tidak perlu membantah segala pembangunan. Sebaliknya para pemaju dan pihak berkuasa janganlah memandang kritikan dan bantahan sebagai sesuatu yang anti pembangunan dan ia dimulakan oleh anasir anti pembangunan. Saya harap kita lebih sensitif di dalam memelihara alam sekitar semula jadi kita. Kita patut menggunakan pendekatan bijak, dengan izin, a smart approach, ke arah pemeliharaan alam sekitar dan pembangunan berkekalan di Malaysia.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri ucapan saya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Habshah.

6.15 ptg.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap saya dapat gunakan masa yang singkat ini untuk menyampaikan ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh dua, tiga perkara sahaja di dalam perbahasan ini. Yang pertama saya ingin sentuh ialah mengenai rasuah. Perkara rasuah telah menjadi perbincangan hangat di kalangan orang ramai dari segi pembasmian dan pencegahan. Saya tidak menafikan iaitu agensi Badan Pencegah Rasuah atau BPR telah memainkan peranan bagi mencegah amalan rasuah yang berterusan. Bagaimanapun, BPR masih lagi tidak mendapat sokongan dari pihak kerajaan dan pengiktirafannya.

Sokongan yang dikehendaki oleh BPR dari kerajaan ialah tidak memberikan kuasa mutlak sama ada mendakwa atau tidak mereka yang telah didapati terbabit dalam rasuah. Dari segi BPR, sudah pasti mereka membuat penyiasatan yang berhati-hati dan telah mendapat bukti yang nyata kepada mereka yang terlibat dalam amalan rasuah, tetapi kebiasaannya Peguam Negara akan memastikan boleh atau tidak mereka itu didakwa.

Saya difahamkan pihak pejabat Peguam Negara ada masanya membuat keputusan tanpa berunding terlebih dahulu dengan BPR. Sepatutnya Peguam Negara memberikan nasihat perundangan kepada BPR sebelum sesuatu kes hendak dikemukakan ke mahkamah untuk pendakwaan. BPR selalu berpegang kepada prinsip bahawa tidak akan mendakwa seseorang jika tidak mempunyai cukup bukti dan BPR akan kalah dalam pendakwaan.

Sikap murni BPR memastikan sesuatu pendakwaan berjaya dan yang dituduh mendapat hukuman yang setimpal adalah satu sikap yang dipuji, tetapi akhir-akhir ini terdapat kes-kes rasuah yang telah didakwa dalam mahkamah dengan tuduhan rasuah, kemudian ditarik semula oleh pendakwa raya yang kebiasaannya dari pejabat Peguam Negara.

Telah tiba masanya amalan lama yang tersebut dikikis dalam BPR, sebaliknya berpegang kepada prinsip seseorang itu tidak bersalah selagi tidak dibuktikan bersalah. Sekiranya terdapat pendakwaan kes rasuah di mana tertuduh dibebaskan, pihak BPR hendaklah jangan lemah semangat dalam meneruskan pendakwaan. Oleh itu telah tiba masanya kes-kes rasuah yang telah dibawa ke mahkamah tetapi tertuduh dibebaskan, BPR dan kerajaan bolehlah menggunakan peruntukan yang sedia ada dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA. Cadangan saya supaya ISA digunakan dalam menangani membanteras rasuah kerana rasuah juga jika dibiarkan berleluasa, ia akan menjadi

ancaman keselamatan dalam negeri ini yang sama tarafnya dengan masalah lain seperti pengedaran dadah, kemasukan pendatang haram dan pemalsuan kad pengenalan.

Saya difahamkan bahawa BPR sedang merombak dan meminda Akta Pencegahan Rasuah. Saya mengharapkan supaya kerajaan memberi pengiktirafan kepada BPR dengan diberi iktiraf 'DiRaja' dan memasukkan dalam pindaan menukar namanya daripada Badan Pencegah Rasuah kepada Agensi Pencegah Rasuah supaya perkataan 'Agensi' itu akan memberikan gambaran BPR menjadi satu pasukan yang mempunyai tenaga perisikan bagi membanteras rasuah dan tidak bergantung kepada laporan pengadu media atau sebagainya.

Buat masa sekarang BPR dianggap oleh orang ramai sebagai satu jabatan kerajaan sepertimana jabatan kerajaan yang lain. Kebiasaannya di dalam akhbar-akhbar atau media elektronik selalu disebut Pegawai BPR, tetapi dengan penukaran nama Agensi secara sebutannya nanti Pegawai BPR akan dikenali sebagai Ejen BPR atau Pegawai Perisikan BPR.

Dalam meningkatkan keupayaan BPR, kerajaan hendaklah menyediakan satu kompleks yang selengkapnya untuk dijadikan Ibu Pejabat BPR yang sama tarafnya dengan kompleks yang dimiliki oleh kem tentera dan polis. Buat masa ini tidaklah sesuai Ibu Pejabat BPR di Jalan Duta kerana sudah tiba masanya BPR mempunyai kompleks yang tetap dan lengkap dengan semua kemudahan, termasuk padang, dewan syarahan dan latihan seperti dinikmati oleh institusi latihan yang lain. Dengan adanya kompleks ini yang seakan-akan Kompleks INTAN atau Institut Tadbiran Awam Negara, BPR boleh mengadakan latihan untuk pegawainya dan juga memberi latihan kepada pegawai-pegawai kerajaan yang melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, BPR mestilah bertindak berasaskan kepada cara yang digunakan oleh Cawangan Khas atau Special Branch Police di mana pegawai-pegawai perisikan BPR diberikan peruntukan kewangan bagi tujuan perisikan. Oleh itu, saya juga ingin mencadangkan jawatan Ketua Pengarah BPR mestilah setaraf dengan gaji dan kedudukan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam. Seseorang yang menjalankan tugas Ketua Pengarah BPR mestilah juga diberikan kemudahan kawalan keselamatan peribadi dan keluarganya secara terus-menerus.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya sebutkan di sini ialah perkhidmatan awam di Malaysia telah dianggap yang terbaik di dunia dan baru-baru ini diakui oleh seorang pemimpin Afrika bahawa kejayaan Malaysia antara faktor penentu ialah kerana perkhidmatan awamnya yang baik. Dalam masa yang sama, saya menggesa kerajaan menyediakan pegawai-pegawai perkhidmatan awam bagi keperluan negara untuk tempoh 10 tahun dan 20 tahun yang akan datang. Antaranya ialah melantik pegawai-pegawai tadbir dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik atau PTD dari kalangan mereka yang berkelulusan dalam bidang-bidang tertentu selain daripada Sarjana Muda Pentadbiran atau setarafnya, seperti contoh, mereka yang berkelulusan Sains Komputer, Undang-undang, Kejuruteraan malah ke peringkat kelulusan Arkitek.

Tujuan cadangan saya ini sebagai contoh ialah jika ia mempunyai kelulusan Reka Bina atau Arkitek di peringkat awal, calon tersebut akan diberikan tugas perkara-perkara pentadbiran seperti Penolong Pegawai Daerah. Sekiranya ia berkekalan dalam perkhidmatan awam dan dapat kenaikan pangkat di satu masa, calon tersebut boleh memegang jawatan dalam jawatan sama seperti Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara dan oleh itu perkhidmatan awam di Malaysia yang dipelopori oleh mereka dalam

Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik akan mempunyai pelbagai kelulusan yang memberikan manfaat kepada tugasnya.

Amalan ini telah pun dilakukan oleh Polis DiRaja Malaysia di mana seorang pegawai yang berkelulusan komputer misalnya, menyertai Pasukan Polis, telah menjalankan tugas sama sebagai pegawai polis yang lain dan mendapat kenaikan pangkat kebiasaan, akhirnya tenaganya telah digunakan oleh Polis DiRaja Malaysia dalam bahagian Unit Komputer. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pandangan jauh pihak polis di sini. Contoh ini sepatutnya digunakan sebagai teladan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bagi calon Pegawai Tadbir dan Diplomatik.

Begitu juga dalam sektor swasta, kerajaan mestilah menggalakkan pihak swasta meningkatkan keupayaan dan kemahiran pegawai dan kakitangan dalam sektor swasta terutamanya dalam bidang baru yang diceburi oleh kerajaan. Seperti contoh, Malaysian Airport Berhad yang akan mengurus Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang mestilah segera untuk memberikan latihan kepada kakitangan sebelum lapangan terbang tersebut memulakan operasinya.

Kerajaan juga mestilah mengkaji pemberian tender kepada pembekal dengan disertai syarat mengajar tenaga-tenaga mahir mengendalikannya sebelum kelengkapan itu dibekalkan kepada kerajaan kerana terdapat beberapa kelengkapan yang dianggap moden dan canggih yang dibeli oleh kerajaan telah dikendalikan oleh mereka yang tidak dilatih terlebih dahulu.

Bagi tujuan tersebut, kerajaan mestilah menyediakan agensi bersepadu bagi menyediakan tenaga-tenaga mahir dengan mewujudkan jabatan yang boleh dikenali sebagai satu jabatan penyelarasan bagi mengendalikan segala kursus dan latihan kemahiran dalam memahirkan pekerja-pekerjanya kerana buat masa sekarang beberapa

agensi seperti bersaing sesama sendiri untuk mengeluarkan tenaga mahir. MARA dengan caranya, Kementerian Pendidikan dengan caranya dan Kementerian Sumber Manusia serta Kementerian Belia dan Sukan juga dengan cara mereka masing-masing sehingga menimbulkan keliru kepada banyak pihak untuk mendapat rujukan di mana dia mendapat latihan dan kemudian di mana dia ditempatkan selepas diiktiraf sebagai pekerja mahir dalam sesuatu bidang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang ingin saya sentuh ialah mengenai Kementerian Penerangan. Jabatan Penyiaran khususnya RTM mestilah menjadi teladan kepada stesen-stesen yang lain dalam rancangan dan siarannya. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan kesalnya ajaran al-Quran tidak merata difahami oleh orang Islam sendiri. Kementerian Penerangan adalah agensi yang paling tepat untuk merealisasikan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di samping Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, tetapi usaha suci Perdana Menteri itu tidak akan menjadi kenyataan jika Kementerian Penerangan masih tidak mengambil sikap peduli gesaan Perdana Menteri itu.

Kementerian Penerangan mestilah mengutamakan kepentingan negara daripada mencari keuntungan yang berlebihan. Oleh itu, Kementerian Penerangan khususnya RTM tidak sewajarnya antara jam 7.00 petang dan 8.00 malam menayangkan filem-filem dan cerita-cerita yang menyebabkan penonton beragama Islam terpaksa mengadap TV sehingga lalai masa waktu sembahyang Maghrib. Eloklah jika di antara 6.00 petang dan 8.30 malam rancangan-rancangan TV digunakan secara format Selamat Pagi Malaysia atau Malaysia Hari Ini. Dan Berita yang sekarang ini boleh didengar melalui 3 saluran TV iaitu RTM1, TV3 dan Metro Vision, sewajarnya pada 8.30 malam hanya Berita daripada RTM sahaja disiarkan oleh kesemua saluran TV yang terdapat dalam negara ini.

Perkara ini telah pun dilakukan oleh negara jiran kita Indonesia walaupun mereka mempunyai bermacam-macam saluran TV swasta, tetapi ada ketikanya Berita dari TV rasminya sahaja iaitu TVRI dipancarkan oleh semua saluran TV swasta.

Saya mencadangkan demikian kerana di antara jam 6.00 petang hingga 8.30 malam ada kalangan ibu bapa menghantar anak mereka mengaji al-Quran tetapi disebabkan rancangan TV menarik pada masa itu, ada di kalangan kanak-kanak ini tidak menghadirkan diri dan jika menghadirkan diri dalam keadaan tergesa-gesa untuk pulang ke rumah kerana hendak menonton TV.

Saya juga bersetuju supaya rancangan-rancangan menarik disiarkan dalam jam 9.30 malam ke atas kerana sama ada orang dewasa dan kanak-kanak akan berada di rumah pada waktu itu. Saya berharap rancangan TV janganlah melampaui jam 1.00 malam seperti yang berlaku dalam rancangan TV1, TV2 dan TV3.

Seperkara lagi saya ingin menyentuh cara pengendalian iklan-iklan dalam TV. Saya difahamkan mana-mana syarikat yang hendak membuat iklan TV, terlebih dahulu membuat permohonan kelulusan skrip dan papan cerita kepada Kementerian Penerangan. Setelah skrip dan papan cerita diluluskan, filem siapnya akan dikemukakan semula kepada Kementerian Penerangan dan FINAS. Kementerian Penerangan telah menyediakan apa yang dikatakan Kod Etika Pengiklanan sebagai garis panduan bagi membuat filem-filem iklan. Dalam perkara ini, syarikat pembuat iklan kadangkala terkeliru apabila setelah mereka mematuhi Kod Etika Pengiklanan Filem, mereka terpaksa dibawa kepada Lembaga Penapisan Filem untuk kelulusan siaran. Filem iklan mereka ditolak kerana garis panduan Lembaga Penapisan Filem dan ada masanya FINAS sendiri mempunyai kuasa menolak filem-filem iklan jika tidak mengikut garis panduan FINAS pula.

Saya menggesa pihak Lembaga Penapisan Filem, Kementerian Dalam Negeri dijadikan satu agensi penentu kelulusan filem iklan kerana sebagai satu lembaga, sudah pasti pegawai penapis filem di Lembaga Penapisan Filem mempunyai keahlian yang mendalam dalam bidang mereka. Ini disebabkan Lembaga Penapisan Filem ada masanya menjadi serba salah apabila hendak/tidak meluluskan sesebuah filem iklan syarikat penerbitan atau agensi iklan. Hujahnya bahawa yang meluluskan skrip dan papan cerita Kementerian Penerangan yang juga agensi kerajaan, kemudian ditolak oleh Lembaga Penapisan Filem yang juga agensi kerajaan.

Saya mengharapkan supaya kawalan filem iklan ditingkatkan dan sesuai dengan budaya dan adat resam kita kerana banyak iklan dalam TV bercanggah bukan sahaja dengan budaya dan adat resam, tetapi dengan dasar kerajaan. Sebagai contoh, iklan jenama rokok Salem dan Kent. Kedua-dua iklan rokok ini menggalakkan belia Malaysia melakukan perkara-perkara yang tidak senonoh, yang tidak ada selaras langsung dengan rancangan Rakan Muda sebaliknya iklan tersebut seperti mencabar program-program Rakan Muda yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Itu belum termasuk lagi satu iklan jenama Berlian yang menunjukkan daripada zaman kanak-kanak lagi mereka telah bercinta dengan memberikan cincin bunga, lepas itu kanak-kanak itu dewasa sehingga berkahwin diberikan cincin berlian. Bayangkanlah kanak-kanak sekecil itu pun telah ditunjukkan apa itu cinta dan apa itu lelaki dan perempuan. Iklan-iklan yang dibangkitkan ini adalah sebahagian iklan-iklan dalam pelbagai rupa yang menyalahi adat resam dan budaya kita, bukan sahaja budaya Melayu tetapi meliputi pelbagai kaum.

Saya juga mencadangkan supaya Kementerian Penerangan seberapa segera yang boleh mengarahkan kesemua stesen TV mana-mana filem rancangan tempatan dan luar negeri yang tidak menggunakan bahasa Malaysia supaya menyediakan sari kata berbahasa

Malaysia kerana dengan sikap keterbukaan rancangan-rancangan TV, saya bimbang di suatu masa nanti sudah menjadi kelaziman bahasa Melayu tidak akan menjadi satu bahasa yang penting dan Akta Bahasa Kebangsaan sudah tidak dipedulikan orang lagi. Tidak ada satu negara pun di dalam dunia ini yang terbuka dalam soal bahasa sehingga siaran TVnya tidak mendaulatkan bahasa ibundanya. Negara kita terlalu jauh untuk dibandingkan dengan negara jiran yang terdekat seperti Thailand, Indonesia dan Filipina. Kesemua stesen TV mereka sama ada milik kerajaan dan swasta tetap mempertahankan bahasa ibundanya. Jika tidak membuat alih suara bagi filem asing, sekurang-kurangnya di stesen TV mereka, mereka akan meletakkan sari kata bahasa ibunda mereka. Diharapkan Kementerian Penerangan mempunyai semangat nasionalisme dan patriotik yang lebih tinggi bagi melaksanakan penggunaan bahasa Melayu kepada filem-filem asing secara alih suara atau menggunakan sari kata bahasa Melayu.

Ada masa lagi, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Nampaknya belum 6.30 petang lagi. Berapa minit lagi?

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Lagi sedikit, satu perkara lagi.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong penuh cadangan Yang Berhormat Puan Kamalia mengenai pekerja asing supaya satu pelan induk disediakan untuk melihat kepada semua keperluan semasa dan akan datang dan mengawal selia aktiviti sosial, agama dan kebajikan mereka, di samping mengkaji status sebenar penduduk negara yang mempunyai pekerjaan yang dinafikan oleh pekerja-pekerja asing, seperti pesara yang masih sihat, wanita-wanita remaja lepas sekolah, bekas-bekas penagih, bekas-bekas banduan dan mereka yang cacat. Saya percaya jika satu penyelidikan yang terperinci dibuat, tentu akan dapat membantu kita dalam masalah kekurangan pekerja. Adalah merupakan satu pengkhianatan jika negara kita maju tetapi

orang lain pula yang meraih keuntungan dan kemahiran. Kita tentu ingat apa yang telah berlaku kepada kita dengan penjajahan British dan kemasukan pekerja asing semasa itu, tentu sekali kita tidak mahu pisang berbuah dua kali.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Dengan kata-kata itu, dengan ini saya menyokong.
Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga hari Khamis, 22hb. Mei, 1997 jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.